
**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
DI BILIK KEDAH,
KOMPLEKS PENTADBIRAN PERSEKUTUAN SABAH**

SABTU, 26 NOVEMBER 2011

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [*Dengan maaf*]

YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]

URUS SETIA

Encik Che Seman bin Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]
Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan
(Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

YBhg. Datuk Hj. Md. Idris Ismail [Pengarah SPR Negeri Sabah]
YBhg. Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]
Encik Hamzah bin Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]
Encik Shah Aruzaman bin Ismail [Setiausaha Bahagian (Pilihan Raya)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan]
Puan Siti Zaayah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara & Pertubuhan)]
Puan Salmah binti Shahidan [Penolong Setiausaha Bahagian
(Pendaftaran Negara & Pertubuhan)]
Cik Azura binti Ahmad [Setiausaha Pejabat Pendaftaran Negara & Pertubuhan]
Puan Zuraidah binti Zainuddin [Timbalan Setiausaha Bahagian Komunikasi Korporat]
Tuan Haji Mohamad bin Mantek [Pengarah Imigresen Sabah]
Mohd Rezwan Abd. Razak [Penolong Setiausaha]
Encik Marwan Aimullah Othman [Jurufoto]

Jabatan Pendaftaran Negara

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah]
Encik Ismail bin Ahmad [Pengarah JPN Sabah]
Encik Abdul Rahman bin Md. Noor [Ketua Unit Sabah & Sarawak]
Datu Abu Bakar bin Mat [JPN Sarawak]
Encik Md. Solehan Omar [Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]
Encik Nik Hassan Fauzi [Penolong Pengarah BUA]
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]
Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Puan Zarifah binti Zulghaffar [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pesuruhjaya]
Encik Ismajuri bin Ismail [Penolong Pesuruhjaya]
Encik Masri bin Seman [Timbalan Pengarah]
Encik Daniel Dajin [Penolong Penguasa]
Encik Ch'ng Soon Heng [Ketua Penolong Pengarah SPRM Sabah]
Puan Junipah binti Wandu [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan & Perundingan)]
Encik Mazery bin Mohd Zain [Penguasa]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
(Forensik Data Bank) Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' Haji Aris bin Haji Ramli [Ketua Penolong Pengarah
Pentadbiran Penyelidikan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' A. Rahman [Urus Setia Cawangan Khas]
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan
(Perjawatan) Bukit Aman]
SAC Abdul Hamid Mohd Ali [Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman]
Inspektor Jamzami bin Jubin [P.T. Latihan Teknologi Maklumat]
Konstabel David Lung Nalo [Cawangan Teknologi Maklumat IPK Sabah]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen]
Lt. Kol. Hamdan bin Yaacob [Pengurus ICT]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Luar Negeri**

Encik Mohd. Aznor Mahat [Pengarah Pejabat Wilayah Sabah]
Encik Aneurin Ignatius [Penolong Setiausaha Konsular]

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Encik Abdul Razak bin Hamid [Ketua Penolong Pengarah RTM Sabah]
Encik Abdul Rauf Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]
Encik Hj. Zaharin bin Zainuddin [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Jabatan Penerangan Sabah

Tuan Haji Alman Ajirul [Pengarah]
Encik Mohd. Fareez Aznul Adam [Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas]
Hermawan Mohamad [Jabatan Hal Ehwal Khas]
Puan Hasmawati Karodda [Penolong Pegawai Penerangan]

SAKSI (PENDENGARAN AWAM)**Parti Maju Sabah (SAPP)**

YB. Datuk Seri Eric E. Majimbun [Ahli Parlimen Sepanggar]
YBhg. Datuk Hj. Mohd Noor Mansoor

Parti Islam Semalaysia (PAS) Sabah

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling
Encik Awang Laiman bin Ikin
Encik Mohd Firdaus bin Muhammad Nor
Encik Mohd Firdaus Mohd Fuad
Encik Mohd. Nazri Sulaiman

PERKEMAS Sabah

Encik Marsidi Katong [Presiden]
Encik Maisanudin bin A. Muin [Setiausaha Agung]
Encik Saliman Sipulin [Timbalan Presiden]
Encik Jafrid Nassif [Ketua Penerangan]

Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Sabah (PBS)

Encik Ronny Rusikan
Encik Taunek Simbat
Encik Jahnin Gundolot

Pemuda UMNO Bahagian Papar

Encik Armizan Mohd. Ali [Ketua Pemuda]
Encik Abd. Razak bin Abd. Rashid
Encik Sahrum Abu Ali
Encik Roslie Ibrahim

samb/-

SAKSI (PENDENGARAN AWAM) (samb/-)

Individu

YBhg. Datuk Verus Aman Sham
Encik Robert Munang

Encik Ng Chak Ngoon

Encik S.M. Muthu

Encik Wong Piang Yow
Encik Ng Kinn Siong

Encik Jurin Gunsalam

Puan Marietta Adang Mujah
Cik Lau Shu Shi
Cik June Rubis

Encik Gunik Gunsalam

LAPORAN PROSIDING**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KETIGA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 2, Parlimen Malaysia****SABTU, 26 NOVEMBER 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.41 pagi**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi dan salam sejahtera kepada semua Ahli Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa Khas Parlimen berhubung penambahbaikan proses pilihan raya Parlimen ke-12, Yang Berbahagia, Datuk Rosmee binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat, sekali gus Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas ini, kepada semua pegawai kerajaan, wakil-wakil agensi, pegawai-pegawai Parlimen dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian termasuklah pemerhati yang menunggu di bilik sebelah untuk mendengar atau minta didengar pada hari ini.

Ahli-ahli Jawatankuasa sekalian, semalam iaitu pada Jumaat, 25 November 2011, jawatankuasa ini telah mengadakan siri pendengaran awam kedua tapi hari ketigalah keseluruhannya. Sesi pendengaran awam di Bilik Kedah, Kompleks Pentadbiran Persekutuan Sabah bagi mendapatkan maklum balas daripada pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar, parti-parti politik serta individu-individu terhadap penambahbaikan proses perjalanan pilihan raya. Pada sesi semalam, sebanyak 12 organisasi dan individu telah diberi peluang untuk memberi cadangan dan pandangan kepada jawatankuasa ini di mana beberapa isu yang telah dibangkitkan semalam adalah begitu relevan sekali dengan terma-terma rujukan yang telah kita persetujui dalam mesyuarat yang lalu. Pada hari ini, jawatankuasa ini bermesyuarat di sini untuk hari keempat dalam sesi pendengaran yang kedua, dan ini merupakan hari kedua dan terakhir bagi sesi pendengaran awam di peringkat negeri Sabah.

Saya sekali lagi ingin mengulangi beberapa perkara khususnya kepada yang memohon untuk didengar dan mereka yang mendengar sebagai *observer* dengan izin, bahawa sesi pendengaran ini bagi kita adalah untuk mendengar pandangan-pandangan dan input daripada pihak awam yang tertentu yang kita terima sebagai saksi.

Sekali lagi, input-input dan pandangan yang kita ingin dengar hendaklah berkaitan terus dengan terma rujukan jawatankuasa ini. Sepertimana yang telah kita gariskan, ini terfokus kepada lima perkara iaitu:

- (i) mengenai perihal perundangan dan peraturan proses pilihan raya;
- (ii) berkaitan proses perjalanan pilihan raya itu sendiri, daripada penamaan calon sampailah kepada pengisytiharan pemenang pilihan raya, dan semua tatacara yang termaktub untuk menjalankan pilihan raya tersebut;
- (iii) perihal daftar pemilih, daripada soal pendaftaran kepada soal semakan *retrieval* dan seterusnya;
- (iv) institusi-institusi pelaksana pilihan raya di Malaysia iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya; dan
- (v) sistem-sistem penambahbaikan yang ada kaitan, sistem alternatif ataupun prosedur-prosedur yang tidak terkandung dalam apa-apa juga peraturan yang sedia ada.

So, begitulah tumpuannya. Khusus bagi tuan-tuan dan puan-puan yang akan meminta peluang untuk didengar, hendaklah ditumpukan kepada lima perkara atau bidang tersebut. Dan perkataan ikon yang kita mahu dengar ialah penambahbaikan. Boleh untuk mengkritik apa sistem yang sedia ada dan kelemahannya, tetapi tidak harus berhenti di situ, kerana kita hendak dengar bagaimana hendak mengatasinya dalam pandangan tuan dan puan yang ingin didengar.

Saya juga ingin maklumkan dan peringatkan bahawa ini adalah persidangan Parlimen di peringkat jawatankuasa. Maka, peraturan-peraturan Parlimen Malaysia seperti mana di dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat adalah *enforce* atau terpakai. Jadi saya mohon kepada yang ingin didengar untuk membuat penyampaian yang tepat kepada peraturan-peraturan iaitu maklumat yang betul, jangan bangkitkan soal salah sangka kalau tidak ada bukti-bukti tertentu, gunakan perkataan yang dibenarkan oleh pihak Parlimen dalam keadaan tatatertib. Pihak pemerhati yang biasa, walaupun masuk tetapi tidak boleh menyampuk dan seterusnya.

Untuk makluman, setiap perkataan yang dikatakan itu adalah dimasukkan di dalam *Hansard* secara verbatim iaitu perkataan demi perkataan. Ia juga direkodkan di dalam video dan semua ini akan menjadi lampiran-lampiran kepada laporan jawatankuasa ini. So, saya berharap bahawa pihak awam yang mendengar sedia maklum ini. So, kita berada dalam keadaan yang bertatertib.

Saya mohon maaf seperti semalam kerana sempit sedikit di dalam bilik mesyuarat ini dan terpaksa yang lain *follow the proceeding* dengan izin, atau mendengar daripada bilik sebelah. Akan tetapi cukup tempat di situ dan semua apa yang dicakapkan pun boleh mendengar. Jadi kepada pihak awam, jika sempit di dalam ini, kita mohon maaf. Akan tetapi ingatlah yang tumpuan itu adalah kepada yang ingin memberi maklumat, yang ingin didengar.

Terima kasih sekali lagi. Kelmarin kita ada satu sesi yang begitu panjang dan begitu bermakna sekali. Maka dengan ini saya ingin memulakan seterusnya Sesi Pendengaran Awam bagi hari kedua di negeri Sabah.

Saya jemput – walaupun Parti Maju Sabah sudah datang kelmarin, saya difahamkan Ahli Parlimen Sepanggar iaitu Yang Berhormat Datuk Eric Majimbun ingin hadir untuk memberikan maklumat. Jadi, sila jemput mereka masuk. Terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Pengerusi, saya cuma bagi pihak Yang Berhormat Wangsa Maju, dia ada pohon Cuti Sakit tempohari.

Tuan Pengerusi: Cuti sakit. Baru sampai Sabah, satu sudah KO... [Ketawa] Okey, kita catitkan dia..., kerja keras semalam sampai jam 10 malam saya difahamkan. Sekadar menunggu saksi datang, saya minta Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan khususnya Sekretariat, ataupun *secretary* dan pegawai-pegawai bertugas untuk menyediakan, menunaikan apa juga tugas kerja yang telah pun disediakan.

■0945

Walaupun disediakan, kerana memang kita berlari ke hadapan untuk menyiapkan laporan kita untuk pembentangan pada 1 hari bulan dan hendaklah di atas meja mesyuarat pada 29 November. Memang banyak *overtime* dari segi masa. Selepas Pendengaran Awam hari ini, pihak jawatankuasa akan bermesyuarat sekali lagi dan seterusnya berkumpul dengan jawatankuasa kecil masing-masing untuk memastikan setakat mana persiapan-persiapan yang telah diberi sebagai tugas kerja semalam itu telah siap. Baiklah, saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Eric E. Majimbun ke meja mesyuarat di situ dan rakan-rakan.

Okey, kelmarin sebenarnya Parti Maju Sabah (SAPP) telah pun hadir. Akan tetapi, saya difahamkan ada lagi maklumat tambahan yang ingin disampaikan oleh pihak Yang Berhormat Datuk Eric E. Majimbun dan kumpulan. So, sila saya beri masa 10 minit permulaan dan jika perlu kita akan tambah. Sila tumpukan pandangan dan input kepada terma rujukan. Dipersilakan Yang Berhormat.

[Saksi dari Parti Maju Sabah (SAPP) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

9.46 pg.

Datuk Eric E. Majimbun [Parti Maju Sabah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada ahli-ahli panel untuk pendengaran pada hari ini. Sebenarnya, saya telah pun ada keluarkan memo terlebih awal tadi mengenai dengan pendengaran hari ini tetapi saya juga ingin menambah beberapa maklumat oleh kerana kalau kita lihat kepada memo saya ini, ada senarai 10. Saya rasa saya tidak payah pun baca satu persatu. Cuma saya minta supaya semua ini direkodkan. Saya cuma ingin menambah beberapa insiden atau pun beberapa maklumat yang terkini yang ingin saya utarakan di sesi pendengaran ini.

Kita ada panel di sini dua yang akan berbicara. Saya dan juga Yang Berbahagia Dato' Haji Mat Noor Mansor.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Di mana pertama mengenai pelaksanaan dakwat atau pun *indelible ink*. Saya rasa ini pun sudah diutarakan tetapi apa yang saya ingin tekankan di sini ialah mengenai orang-orang yang sudah meninggal. Orang-orang yang sudah meninggal masih juga dapat mengundi. Oleh kerana dia ada di dalam senarai ini, orang sudah mati masih ada di dalam senarai *electoral roll*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, so kalau dia masih boleh mengundi, ertinya dia bangkit sebagai hantu atau orang lain pakai.

Datuk Eric E. Majimbun: Itu satu sebab kalau mengikut adat istiadat kita di Sabah ini, orang yang bangkit boleh dipukul sampai mati. Ini yang saya tekankan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada senaraikah?

Datuk Eric E. Majimbun: Apa dia?

Tuan Pengerusi: Ada senarai yang pernah walaupun mati tetapi timbul?

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, di sini.

Tuan Pengerusi: Okey, nanti kasi pihak kami.

Datuk Eric E. Majimbun: Nanti saya bagi.

Tuan Pengerusi: Sila, teruskan. Kalau ada senarai, sila majukan di sini. Minta pegawai ambil kemudian cek sekejap di sini.

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Datuk Eric E. Majimbun: Yang kedua mengenai pembersihan senarai daftar pengundi di mana kalau dalam pengundian, kita mempunyai kotak untuk ragu. Jadi, apa salahnya di dalam senarai ini oleh kerana kita tahu di Sabah ini begitu banyak sekali orang-orang yang kita tidak kenali, masih di dalam senarai pengundi ini.

Apa kata kalau kita simpan di dalam kotak diragui. Apabila dia datang ke sana, baru kita siasat sama ada ini betul-betul pengundi atau tidak. Inilah sebenarnya kita minta Tuan

Pengerusi oleh kerana di Sabah ini saya rasa semua terutama sekali Tuan Pengerusi sendiri tahu apa sebenarnya kedudukan kita sekarang di Sabah. Contohnya di Sepanggar, yang kita dapati diragui hampir 4,000 lebih. Kita tidak tahu dapat dari mana? Akan tetapi kalau kita ikut adat istiadat, itu saya jelaskan tadi adat istiadat kalau orang yang datang itu mengikut undang-undang, Ordinan Sabah, *Rural Administration*, Pentadbiran Luar Bandar *Chapter 132*. Sesiapa orang yang datang dan tidak dikenali boleh diusir keluar. So, itu juga. Kalau sekiranya orang yang datang itu dan orang kenal dan orang pasti bahawa dia itu bukan daripada penduduk yang tersenarai di dalam kampung itu, dia boleh diusir keluar. Ini dalam kita punya undang-undang. Ordinan Sabah. Saya ulangi Ordinan Pentadbiran Luar Bandar *Chapter 132*.

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Datuk Eric E. Majimbun: Satu lagi mengenai calon mengambil keputusan atau pun *cooling period* ini. Kita minta supaya *cooling period* ini ditiadakan, dihapuskan, dimansuhkan. Oleh kerana inilah sebenarnya yang boleh membawa berlakunya rasuah. Oleh itu tidak payah lah kita panjangkan. Saya rasa ahli panel ini tahu.

Tuan Pengerusi: Ya, lagi pun sudah dibangkitkan kelmarin juga.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ada dibangkitkan oleh Tuan Pengerusi bahawa *cooling period* tiga hari itu telah dikurangkan kepada 24 jam. Apakah Yang Berhormat mencadangkan yang 24 jam ini pun kita hapuskan dan kalau hendak tarik diri, *immediately* selepas disahkan calon, boleh tarik diri begitu.

Datuk Eric E. Majimbun: Ya. Sebenarnya apa yang kita tidak mahu orang yang datang untuk dicalonkan dan mencalonkan diri, sudah pasti dia akan dicalonkan. Kenapa mahu juga *cooling period*. So, kita mahu dimansuhkan *totally*.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Izinkan saya jelaskan di sini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kangar.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: *Cooling period* ini bermakna dia memberi peluang kepada mana-mana calon. Sekarang ini sudah dipinda kepada tiga hari kepada 24 jam bermula pada bulan Jun tahun ini. Tiga perkara akan berlaku. Pertama memberi peluang kepada seseorang calon itu menarik diri supaya kalau dia tarik diri, dia akan dibayar balik depositnya. Itu pertama.

Kedua, kalau dua calon. Jadi, satu calon lagi akan diisytiharkan sebagai menang tanpa bertanding. Tiga, namanya tidak akan dicetak atas *ballot paper*. Akan tetapi ini tidak bermakna selepas tiga hari atau pun satu hari sekarang ini dia tidak boleh tarik diri. Dia

boleh tarik diri tetapi depositnya tidak akan dibayar balik. Namanya akan tetap kekal dalam kertas undinya.

Seorang Ahli: Itu sahaja.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Itu sahaja.

Datuk Eric E. Majimbun: Ini tidak dimasukkan dalam *time* saya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, sekarang ini dikurangkan *period* itu.

Tuan Pengerusi: Ini tidak akan dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Saya sahaja hendak bagi penerangan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi kalau hendak tarik diri dia boleh tarik diri. Dia panggil *press conference* dia kata saya sokong Barisan Nasional punya calon begitulah. Dia tarik diri umpamanya begitulah.

Datuk Eric E. Majimbun: Itu juga satu cara untuk memberi semangat untuk melakukan rasuah. Oleh kerana 24 jam, ini boleh jadi apa-apa pun. Kenapa?

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Selama 24 jam untuk membolehkan dia dapat balik depositnya .

Datuk Eric E. Majimbun: Ya lah.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi selepas 24 jam., dia boleh juga tarik diri, tidak ada masalah. Dia hilang deposit, namanya masih kekal dalam *ballot paper*. Itu sahaja.

Datuk Eric E. Majimbun: Itu sebab ramai orang yang datang untuk dibagi calon, jadi calon oleh kerana tujuan mereka ialah untuk jual diri.

Tuan Pengerusi: Jadi, Yang Berhormat cadangkan jangan kasi tempoh untuk tarik diri.

Datuk Eric E. Majimbun: Tidak mahu tempoh.

Tuan Pengerusi: Kalau tarik diri juga, denda dia, begitukah?

Datuk Eric E. Majimbun: Denda, denda.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Ini cadangan baru.

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Eric Enchin Majimbun: Denda.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Itulah. Macam Yang Berhormat Kuala Krai bercerita tadi. Kalau hendak didenda...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau denda nanti, yang perasuah pun boleh tolong bayarkan denda.

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, didenda. Jadi, sekiranya dia mahu ingin jadi calon, maka masuk di dalam minda dia mahu jadi calon.

Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad: Ya lah.

Datuk Eric E. Majimbun: Kenapa pula mahu tarik balik? So, kalau sekiranya dia tarik balik satu minit selepas dia didaftar sebagai calon pun dia sudah melanggar.

Tuan Pengerusi: Ataupun tarik diri pada masa masih dalam tempat penamaan calon, sebelum keluar barangkali.

Datuk Eric E. Majimbun: Ya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan.

Datuk Eric E. Majimbun: Yang keempat mengenai pengubahsuaian pondok atau pun *booth* untuk memangkah undi. Kita dapat lihat pada ketika ini ialah *presiding officer* itu berdepan dengan pengundi ini untuk memangkah tetapi dia telah di blok, di halang. Jadi, kita tidak dapat melihat apa yang dia buat di sana. So, apa yang kita mahu ialah walaupun telah berdepan dengan *presiding officer* tetapi kita dapat lihat badannya.

Tuan Pengerusi: Takut hantu?

Datuk Eric E. Majimbun: Apa yang terjadi sekarang ialah orang yang mempunyai kecanggihan telefon ini akan gunakan telefon ini merakamkan apa yang dia undi, keluar minta fulus. Ini terjadi.

Tuan Pengerusi: So, mahu *glass* punya *booth*kah?

Datuk Eric E. Majimbun: Sama ada *glass* atau direndahkan.

Tuan Pengerusi: Ada idea, ya, ya.

Datuk Eric E. Majimbun: Okey, terima kasih. Kelima mengenai pilihan raya umum tetapkan...

Tuan Pengerusi: Itu perkataan fulus bahasa Malaysia kah?

Datuk Eric E. Majimbun: Itu perkataan Sabah.

Tuan Pengerusi: Fulus itu bahasa Sabah kan. So, '*lui*' lah tu, sogokan. Perkataan Arab kah? Itu perkataan Dusun.

Datuk Eric E. Majimbun: Terima kasih. Satu lagi mengenai tempoh pilihan raya ini. Kita tahu di dalam Perlembagaan telah pun diisytiharkan sebagai lima tahun. Kenapa pula selepas sahaja tiga tahun, kita asyik memikirkan bila pilihan raya.

Kenapa tidak tetapkan pada genap lima tahun? Kita minta supaya genapkan lima tahun dan tidak payahlah memikirkan bila pilihan raya itu.

Tuan Pengerusi: Konflik sama dia begitu?

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, *straight forward* lah kan. Keenam mengenai perluasan sempadan kawasan pilihan raya ini. Ini terjadi di kawasan saya di mana Pulau Sepanggar

itu dahulu pengundi Pulau Sepanggar ini mengundi Sepanggar tetapi Pulau Sepanggar ini sekarang mengundi di Tanjung Aru, walhal Sepanggar.

■ 1000

Jadi, logiknya ialah kenapa pula semua pesisiran pantai di pulau-pulau itu dipindah walhal dekat dengan semua pentadbiran itu di Kota Kinabalu dan kita juga di Sepanggar. Okey, boleh ya?

Tuan Pengerusi: Ya, ya, sila.

Datuk Eric E. Majimbun: Yang ketujuh ini mengenai ketelusan dalam pengendalian undi pos di mana pada ketika ini kita nampak pengendalian ini agak kurang memuaskan. So, kita minta dan juga kita cadang supaya undi pos ini haruslah dibuat pembuangan undi ini di bangunan di mana disaksikan oleh beberapa *polling agent* atau sesiapa juga. Juga sekiranya dalam pengiraan itu juga disaksikan. Selepas mengundi, terus kira di dalam bangunan itu. Selepas pengiraan itu, bila masuk kepada *central* ataupun pusat pilihan raya ini, selepas sahaja semua pusat-pusat yang lain ini berhenti untuk mengundi, maka diumumkan keputusan undi pos ini. Bukan seperti yang kita dapat lihat sekarang ini, akhirnya baru dikira.

Tuan Pengerusi: Yang itu sudah dibangkitkan juga tetapi Yang Berhormat Alor Gajah...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Yang Berhormat, tadi dicadangkan semua *postal vote* ini mesti disaksikan, ya?

Datuk Eric E. Majimbun: Yes.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bukan, tadi Yang Berhormat cadangkan semua *postal vote* ini disaksikan. Bagaimana dengan keadaan dengan askar-askar yang di hutan, di pulau, di tempat-tempat yang jauh itu? Kita hantar seorang saksi masuk hutan, saksi di Sepanggar sebelum dia?

Datuk Eric E. Majimbun: Dia ada masa untuk balik ke...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak boleh. Dia mempertahankan negara.

Datuk Eric E. Majimbun: Sekiranya itu terjadi, maka pegawai yang berkenaan, pegawai yang berkuasa di sana beritahu berapa sebenarnya disaksikan oleh ejen di sana, berapa sebenarnya sudah keluar? Bukan di dalam *ballot* itu. Oleh kerana sekarang isteri-isteri pun pakai *vote ballot* juga.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Betul. Isteri-isteri itu boleh jadi saksi tetapi askar-askar yang di dalam hutan itu, hanya ada monyet yang boleh jadi saksi. Orang mana ada saksi.

Datuk Eric E. Majimbun: Okey, tidak apa. Ya, dia boleh undi. Bagaimana pula dia undi di dalam hutan?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ertinya sebelum dia masuk dan dia mengundi...

Datuk Eric E. Majimbun: Itu semua sebelum dia pergi hutan, dia sudah mengundi.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak, tidak.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, okey, okey. Masalahnya kadang-kadang dia keluar sampai satu bulan, satu bulan, so memang perlu ada satu sistem yang boleh dipercayai untuk itulah sebab seperti mana yang dikatakan. Yang penting kasi *chance* kepada mereka mengundi awal.

Datuk Eric E. Majimbun: Boleh.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi masalahnya kalau dia satu bulan di sana, biasanya kalau di Pulau Banggi, *field force* di situ kadang-kadang tiga bulan di situ. Akan tetapi Pulau Banggi bolehlah kita masuk tetapi ada yang betul-betul terpencil. Yang penting, beri peluang untuk mengundi dengan secara *transparent*lah begitu?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Okey, ya.

Tuan Pengerusi: Gunakan satu sistem mana sahaja, *declare* kah, undi awal kah, hantar wakil di mana yang boleh kah kalau perlu.

Datuk Eric E. Majimbun: Yang penting, ketelusannya.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Datuk Eric E. Majimbun: Terima kasih. Yang kelapan, yang uzur ini, orang yang...

Tuan Pengerusi: Orang tua?

Datuk Eric E. Majimbun: Orang tua ataupun yang OKU dari segi penglihatan atau pendengaran ini. Sekarang apa yang biasa dilakukan ialah *presiding officer* itu akan tanya, siapa yang kamu undi? Apa yang dibangkitkan oleh pengundi itu kepada *presiding officer* belum tahu dia akan pangkah itu. Walaupun dia sudah angkat sumpah untuk semua benar.

Tuan Pengerusi: Okey, so apa cadangan?

Datuk Eric E. Majimbun: Cadangan ialah keluarga yang terdekat yang bawa dia ke tempat mengundi itu untuk...

Tuan Pengerusi: Memang itu sudah ada.

Datuk Eric E. Majimbun: Okey.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Selangor.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Untuk sedikit penjelasan, Tuan Pengerusi, persatuan atau wakil orang kurang upaya penglihatan ini...

Tuan Pengerusi: Oh Kuala Krai dahulu, sila.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: ...Memberi cadangan oleh kerana saudara maranya ini kadang-kadang jauh di kampung-kampung. Jadi, sesiapa yang mereka percaya, itu terpulanglah kepada mereka. Kalau hendak tunggu saudara, kalau saudaranya di Pulau Banggi, mengundi di Kota Kinabalu, tidak mengundilah kawan itu. Jadi, cadangannya, orang yang mereka percaya. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Eric E. Majimbun: Boleh, boleh. Yang boleh dipercayai...

Tuan Pengerusi: Oleh si pengundi.

Datuk Eric E. Majimbun: Okey.

Tuan Pengerusi: Oleh si pengundi kan? Okey.

Datuk Eric E. Majimbun: Yang satu lagi, ini saya rasa yang pusat pengesanan ini kepada pengundi yang hilang senarainya di dalam senarai mengundi ini. Selalunya ramai yang kehilangan namanya di dalam senarai. Contohnya kalau dia mengundi di satu tempat. Contohnya dia mengundi di SK Tiong Song, tiba-tiba nama dia tidak ada di sana. Cari, cari di kawasan Sepanggar, nama pun tidak ada. Akan tetapi tiada orang yang mengesan di mana dia mengundi. Kita cadangkan ialah seorang daripada pegawai untuk mengesan di mana sebenarnya dia boleh mengundi. Begitu juga sekiranya pengundi itu sudah namanya nun di Selangor, maka pada saat itu juga dia boleh pindah mengundi ke tempat itu yang di...

Tuan Pengerusi: Dua hal di situ. Satu ialah pada hari dia datang mengundi, *check* nama tidak ada dalam kawasan di situ walaupun selalu ada di situ, bukannya?

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Jadi, Yang Berhormat mengatakan tiada sistem untuk mengesan di mana dia. Akan tetapi biasanya ada pondok SPR di mana ada *master list*. Bukan ada kah untuk *check*. Oh, tiba-tiba *you* di Penampang pula kali ini. Akan tetapi saya sedia maklum di kawasan saya pun tidak banyak yang ada *master list* ini kerana sistem komputer tidak dibekalkan di satu-satu tempat itu. So, cadangan Yang Berhormat ialah ada tempat dalam semua PPU kah?

Datuk Eric E. Majimbun: Ya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi masalahnya kalau tiada sistem IT kecuali *stand alon*elah. Artinya seluruh negeri Sabah punya *rule has to be in that system*. Memang dibekalkan tetapi macam di kawasan saya di Kota Marudu, hanya kawasan PPU besar sahaja yang SPR boleh bekalkan. So, ini kita ambil kira nanti dalam cadangan kita, barangkali membekal tidak kurang *minimum number master list* itu supaya... *Of course*, Yang Berhormat, kalau ada internet *and hand phone*, kita boleh *check* dengan SPR ialah *the daftar list* tetapi kalau di luar bandar itu memang *I sawlah*, tiadalah, *you know*.

Datuk Eric E. Majimbun: Okey, saya rasa itu terpulang kepada SPR untuk memantau.

Tuan Pengerusi: Okey, nanti kami bincang.

Datuk Eric E. Majimbun: Yang satu lagi mengenai orang asing yang mempunyai dokumen pengenalan. Saya rasa ini juga sudah diutarakan lebih awal sedikit tetapi apa yang saya akan minta seperti yang saya telah katakan tadi di mana dalam pentadbiran luar bandar, Ordinan Undang-undang Sabah, Cap. 132, orang-orang yang tidak dikenali di tempat itu boleh diusir keluar. So, sekiranya orang yang datang mengundi itu kita tidak kenal dan dia tidak tinggal di dalam kampung itu, kita boleh usir keluar. Benarkah ini?

Tuan Pengerusi: Okey, ini Yang Berhormat telah bangkitkan juga tadi. Nanti saya minta bahagian jawatankuasa kecil perundangan untuk meneliti *which law applies, the right to vote* adalah seperti mana dalam perlembagaan itu ataupun bila dia dalam kawasan terpencil memang ada juga pandangan seperti Yang Berhormat bahawa Undang-undang Cap. 132 ini boleh dipakai iaitu kalau dia di kawasan saya, Merap Peghak, semua orang Dusun, tiba-tiba orang asing keluar dan tidak dikenali, bolehkah kita gunakan Cap itu sebagai mengusir mereka keluar?

Datuk Eric E. Majimbun: Ya.

Tuan Pengerusi: Sebab dia di dalam kawasan di mana JKK itu di mana undang-undang ini berfungsi. So nanti kita cuba fikirkan. Ini cadangan yang bagus. Okey, ada lagi?

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, ada lagi.

Tuan Pengerusi: Okey, *last* tiga minit.

Datuk Eric E. Majimbun: Aik?

Tuan Pengerusi: Sudah 20 minit, Yang Berhormat.

Datuk Eric E. Majimbun: Banyak masa yang telah disoal. Okey.

Tuan Pengerusi: Okey, sila, sila teruskan.

Datuk Eric E. Majimbun: Tidak apalah, tetapi bagi juga masa kepada Saudara Dato' Mohd. Noor untuk mengulas sedikit. Apa yang kita dapat lihat dalam pengundi orang asing ini, terdapat beberapa buku.

Buku di sini mengundi, *voters for hire*. IC palsu dan yang baru disiar oleh Dato' Chong Eng Leong. "*Less With Forget*". Semua ini telah menerangkan dan telah juga memberitahu apa sebenarnya berlaku orang-orang asing daripada negara jiran ini datang sekarang sudah boleh mengundi. So, kita sudah bawa ini di dalam Parlimen tetapi tidak diambil tindakan. Kita sudah bawa ke Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti, tidak ada juga kesudahannya.

Kita mintalah kepada panel yang bijaksana ini supaya kalau panel ini tidak berusaha juga untuk menyasat apa yang ada di dalam buku-buku ini, maka saya minta dan saya mohon kepada panel ini supaya buatlah satu usul untuk ada *Royal Commission of Inquiry on this one*. Pasal ini *very serious, you know*. Dalam buku ini sudah tercatat.

Mesyuarat ditangguhkan selama lima minit kerana masalah teknikal

Mesyuarat disambung semula pada pukul 10.18 pagi atas sebab teknikal.

10.18 pg.

Tuan Pengerusi: Okey, dua. tiga minit *and then* saya beri peluang kepada Dato' Mohd Nor.

Datuk Eric E. Majimbun: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebagai pengakhir di mana kita dapati bahawa orang yang kononnya mahu jadi *Sultan of Sulu* di Sabah ini. Dia masih dalam senarai pengundi. Apakah tindakan pihak SPR mengenai ini? Ini ada di sini. Saya sudah bawa usul ini di Parlimen tetapi diketepikan. Akan tetapi sekarang ini saya hendak bertanya apa tindakan yang dibuat oleh SPR kerana ini adalah orang yang menyalahi undang-undang walaupun tidak didapati dalam – tetapi sudah jelas di dalam surat khabar kononnya dia mahu menjadi *Sultan of Sulu*. Orang yang tinggal...

Tuan Pengerusi: Mengikut makluman awam itu Yang Berhormat, di mana kita pun sudah maklum di dalam siasatan polis.

Datuk Eric E. Majimbun: Ya, walaupun di dalam siasatan polis tetapi apa tindakan SPR?

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Eric E. Majimbun: Keduanya, mengenai orang yang mempunyai beberapa kad pengenalan. Contohnya ada di sini. Seorang yang tidak perlu saya sebutkan di sini, mempunyai tiga kad pengenalan, dua kad pengenalan boleh digunakan untuk mengundi. Di dalam buku ini juga tercatat beberapa orang yang mempunyai kad pengenalan, dua atau tiga kad pengenalan berlainan bila ditukarkan kepada MyKad, mereka boleh mengundi. So ini sebagai *exhibit* dan boleh diberi pinjamlah.

Satu lagi juga dalam senarai ini saya akan bagi di mana orang-orang ini kita kenali bahawa mereka ini betul-betul orang asing bekerja di Log Pon Kimanis. Sekarang mereka sudah boleh mengundi di seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ada senarai?

Datuk Eric E. Majimbun: Ada senarai di sini. Orang yang hanya mendapat PR, sekarang boleh mengundi. Dia punya alamat bukan di sini tetapi dia punya kad pengenalan memang orang Sabah menggunakan kod 12. Dia mengundi di Selangor.

Tuan Pengerusi: Dikenali oleh pihak Yang Berhormat ataupun orang...

Datuk Eric E. Majimbun: Saya dapat ini oleh kerana saya diberi daripada poslah.

Tuan Pengerusi: Okey, nanti kita telitikan.

Datuk Eric E. Majimbun: Akhirnya yang telah menggunakan nama bapa saya sendiri ini ialah orang Filipina. Saya tidak tahu sama ada di dalam SPR atau tidak tetapi dia telah menggunakan sebagai adik saya sendiri iaitu Jerom Majimbun.

Tuan Pengerusi: Majimbun sama?

Datuk Eric E. Majimbun: Sama Majimbun.

Tuan Pengerusi: Barangkali Majimbun di Filipina, bukan?

Datuk Eric E. Majimbun: Ini Filipina, orang Filipina. Kad pengenalanya sama ada diragui terpulung kepada JPN.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Eric. Saya beri tiga atau lima minit lagi jikalau ada hal-hal baru dan tambahan oleh Yang Berbahagia Datuk Md. Noor, *veteran politician*.

10.24 pg.

Datuk Haji Mohd Noor Mansoor: *Assalamualaikum warahmatullaahita'ala wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Hanya menambah sedikit apa yang telah pun dijelaskan oleh Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee kelmarin dan pada hari Datuk Eric E. Majimbun.

Tuan Pengerusi, saya sempat menonton siaran televisyen semalam TV3 pukul 8.00 malam di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, jelas pendengaran saya mengatakan bahawa pilihan raya yang ke-13 ini adalah ibu kepada semua pilihan raya. Keadaan amat getir kata beliau. Saya mengatakan di sini kalau begitulah pandangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa keadaan getir, saya katakan di Sabah paling getir sekali.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara pembersihan Buku Daftar Pengundi ini sekali kalau boleh.

Saya nyatakan di sini apa juga kaedah yang dibuat oleh SPR untuk mengendali pilihan raya yang akan datang tidak akan dapat merupakan satu pilihan raya yang telus dan bersih selagi Buku Daftar Pengundi ini tidak dibersihkan. Kelmarin Yang Berhormat Pengerusi telah bertanya kepada Datuk Yong apakah cara pembersihan? Datuk Yong menjawab pertubuhan *Royal Commission of Inquiry (RCI)*. Tuan Pengerusi, ini perkara terpenting sekali di Sabah ini. Apa masalah tidak boleh wujud RCI ini? Kenapa pihak kerajaan mengambil sikap yang dingin tentang cadangan pihak-pihak tertentu di Sabah ini untuk mewujudkan RCI tentang Buku Daftar Pengundi ini. Minta maaf Tuan Pengerusi, di Semenanjung, seorang jatuh dari satu bangunan pergi bawah, meninggal – RCI. Masalah V.K. Lingam, video – RCI. Baru seorang yang terlibat. Ini ratus ribu pengundi di Sabah terlibat dalam masalah ini. Kenapa dingin sangat dilihat tentang cadangan untuk mengadakan RCI ini?

Di dalam kes Teoh Beng Hock, pakar-pakar daripada Australia diterbangkan ke Kuala Lumpur. Pakar-pakar daripada Thailand diterbangkan ke Kuala Lumpur untuk menyelesaikan masalah itu. Apa masalah yang melibatkan ratusan ribu pengundi di Sabah

ini? Orang Malaysia, anak Malaysia. Kenapa dingin sangat pandangan kerajaan kepada penubuhan RCI ini? Itu saya ulang sekali lagi bahawa...

Tuan Pengerusi: Okey, pandangan Datuk dicatat dan diambil perhatian.

Datuk Md Noor: Perkara kedua, mungkin ini dengan izin, *a very wild proposal*. Sabah menyertai Malaysia pada 16 September, 1963 atas ihsan Bangsa-bangsa Bersatu. Saya masih ingat Sabah *serve government* selama 16 hari selepas 31 Ogos, 1963 selepas penelitian yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Maka boleh kita katakan bahawa penyertaan Sabah di dalam Malaysia atas ihsan Bangsa-bangsa Bersatu. Maka itu Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan pilihan raya akan datang ini getir dan saya mengatakan di Sabah ini paling getir sekali, apa salahnya kali ini kita minta supaya Pilihan Raya Ke-13 ini ada pemerhati daripada negara-negara Komanwel atas *sponsorship* Bangsa-Bangsa Bersatu. *Let us solve the problem once and for all*, dengan izin. *Let us not sweep the dirt under the carpet*.

■1030

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu kaitan dengan pilihan raya, bukannya? Bukan daftar pemilih?

Datuk Md. Noor: Akan datang...

Tuan Pengerusi: Ada luar sedikit daripada ...kita.

Datuk Md. Noor: Saya fikir tidak Tuan Pengerusi *with due respect*. Pilihan raya akan datang ini paling penting untuk Sabah.

Apakah orang-orang Sabah ini akan betul-betul mendapat merasai demokrasi yang sebenarnya? Kalau masih lagi ada daftar pengundi ini tidak dibersihkan, kita tidak akan merasai apa itu ertinya demokrasi kerana ada orang-orang yang tidak layak mengundi, mengundi juga dalam pilihan raya ini seperti mana pun yang telah dijelaskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih atas hujah dua perkara tadi itu. Selesaikan?

Datuk Md. Noor: *That is all I want to say. Thank you very much.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih banyak atas cadangan itu. Pihak Jawatankuasa akan meneliti itu dalam tugas kerja pihak kami. Yang Berhormat Eric Terima kasih. Jangan lupa beri salinan itu sebagai *exhibit*. Walaupun ada di *bookshop*, tetapi sebagai sebahagian daripada *exhibit* Yang Berhormat. Okey.

Datuk Eric E. Majimbun: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih juga telah mendengar apa yang telah kami utarakan di sini dan diharap supaya diambil perhatian yang serius.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya minta pinjam jangka panjanglah itu.

Datuk Eric E. Majimbun: Itu buku, 1 hari bulan saya minta balik.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih banyak. Okey pihak setiausaha, boleh kasi *pass-pass* kepada ahli dan – Okey. Untuk seterusnya, kumpulan daripada parti PAS Cawangan Sabah. Ini Kuala Krai punya. Okey. So dijemput pihak...

[Saksi-saksi dari Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Sabah mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Saya menerima tiga nama di sini, saudara Awang Lemman bin 'Bikem'. Ada tiga orang di sana, sila perkenalkan ahli-ahli yang turut sama. Saya jemput dan 10 minit sebagai permulaan. Jika perlu betul, saya akan tambah. Tolak masa yang diganggu atau dipakai oleh ahli-ahli panel, ahli-ahli jawatankuasa untuk minta penjelasan. Sila.

10.33 pg.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat sejahtera, selamat pagi. Terlebih dahulu Tuan Pengerusi, saya hendak perkenalkan rombongan saya iaitu saya sendiri bernama Mohd. Aminuddin bin Aling, Pesuruhjaya PAS Negeri Sabah dan di sebelah saya adalah Ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri Sabah. Seperti mana yang telah kita maklum bahawa pada pagi ini walaupun barangkali sahabat-sahabat yang lain telah pun mengemukakan cadangan-cadangan ataupun permintaan-permintaan di dalam penambahbaikan proses pilihan raya yang akan kita hadapi pada pilihan raya yang ke-13 ini, PAS juga tidak ketinggalan untuk meminta kepada penambahbaikan proses pilihan raya pada kali ini.

Ini barangkali kami punya permintaan ini telah pun diminta oleh urus setia dan mungkin telah didapati oleh pihak Tuan Pengerusi yang saya telah beri tadi pagi. Di sini saya hendak baca beberapa permintaan kami iaitu yang pertama, proses pilihan raya dari pencalonan dan pengiraan undi ke pengumuman pemenang.

Butirannya iaitu pemulangan kertas undi berdasarkan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5). Keterangannya, PAS Sabah meminta agar mana-mana kertas undi yang diterima oleh pengundi hendaklah dimasukkan ke peti undi meskipun tidak mengundi memilih calon bertanding. PAS Sabah juga meminta mana-mana individu yang didapati membawa keluar kertas undi sama ada telah mengundi, tidak mengundi telah melakukan kesalahan mengandungi unsur-unsur sabotaj, berniat jahat dan penipuan dalam pilihan raya.

Oleh yang demikian, Suruhanjaya juga diminta untuk menambah baik dan dimaklumkan bahawa membawa keluar kertas undi adalah merupakan satu kesalahan di bawah peruntukan undang-undang Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).

Tuan Pengerusi: Kenapa ini pihak tuan mencadangkan? Jangan bawa pulang – Kalau tidak mengundi pun mesti masuk balik, begitu?

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Apa justifikasi?

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Ini kerana di dalam peraturan yang kita lihat tidak ada diletakkan satu peraturan. Maka pada penambahbaikan ini kita meminta supaya diadakan satu peraturan sesiapa pengundi sama ada mengundi atau tidak mengundi, kertas undi itu mestilah dimasukkan balik di dalam tempat...

Tuan Pengerusi: So, jangan main-main dengan itu kertas undi?

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Okey. Seterusnya daftar pemilih. PAS Sabah meminta agar proses mengenal pasti pengundi yang telah meninggal dunia dipanjangkan kepada pihak selain ahli keluarga, bukan waris, masyarakat setempat yang mengenali si mati. Ahli keluarga bukan waris, masyarakat setempat dibenarkan membuat laporan polis dan menjadi tugas polis dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memastikan dan membuat pengesahan pengundi tersebut benar-benar telah meninggal dunia.

Selepas siasatan tersebut, polis dan JPN hendaklah memanjangkan laporan tersebut kepada Suruhanjaya Pilihan Raya iaitu SPR untuk dibuat penafsiran daftar pemilih. Hal ini memandangkan keadaan kemungkinan ada kes kematian yang tidak dilaporkan oleh ahli keluarga.

Saya kira apa yang saya bangkit ini mungkin sahabat-sahabat yang sebelum ini telah pun membangkitkan dan ini juga kami meminta supaya diambil kira untuk penambahbaikan di dalam daftar pemilih untuk memilih dalam pilihan raya yang ke-13 ini.

Tuan Pengerusi: Saudara Aminuddin, cadangan ini bagus. Ini antara yang dihadapi oleh pihak JPN. Keluarga-keluarga, walaupun tahu meninggal, tidak melaporkan kerana sistem yang sedia ada tidak memaksa mereka untuk melakukan apa lagi di luar bandar. Akan tetapi, sistem begini saya rasa pihak JPN boleh telitikan. Misalnya bila kita kaji daftar pemilih di peringkat PPU, kalau di kawasan luar bandar kita tahu siapa sudah meninggal, dia sudah tanda. Jadi kalau boleh kita kasi *simplify* proses untuk waris mengisi borang bahawa dan disahkan oleh DOKah bahawa ini memang sudah mati..., polis. Maka saya rasa pihak JPN boleh ambil tindakan dari situ. Saat ini *I think* tiada proses yang *simple*, yang boleh diterima oleh pihak JPN. Kalau orang biasa sahaja katakan si anu sudah mati, dia mahu DO *certify*, surat mati itu ada tetapi kalau sudah mati 30 tahun, bagaimana mahu cari balik surat mati kecuali buat balik lagilah. Ini kerana saya rasa cadangan ini memang bagus. Nanti kami telitikan.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Terima kasih. Seterusnya...

Tuan Pengerusi: *Simplify the whole process* bagi mereka yang sudah mati 10 tahun masih sana lagi *because at the village level, we will know* ini sudah mati, kami sudah mengadu dia kata tetapi cara dia mengadu bukan proses yang telah ditetapkan, oleh peraturan. Terima kasih.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Seterusnya Tuan Pengerusi, masih lagi daftar pemilih iaitu mengikut statistik warganegara Malaysia berumur 21 tahun dan ke atas yang belum mendaftar sebagai pemilih suku pertama tahun 2010 adalah sebanyak 4,312,375 orang dan negeri Sabah pula adalah sebanyak 319,275 orang. Memandangkan hak untuk mengundi setiap individu yang layak adalah dijamin oleh perlembagaan, maka menjadi keperluan semasa pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik. Kewujudan teknologi dan infrastruktur ICT yang semakin canggih mampu menjadikan pelaksanaan kaedah ini adalah realistik. Boleh diteruskan, Tuan Pengerusi tidak ada, boleh? Okey.

PAS Sabah meminta sekiranya para pemilih perlu mengubah tempat mengundi, pemilih boleh mengikut proses pemindahan berdaftar seperti yang sedia ada. Seterusnya, proses pilihan raya dari pencalonan dan pengiraan undi ke pengumuman pemenang iaitu PAS Sabah meminta agar pelaksanaan undi pos diubah formatnya kepada undi awal.

Saya ulangi sekali lagi, PAS Sabah meminta agar pelaksanaan undi pos diubah formatnya kepada undi awal iaitu proses pembuangan undi dilakukan seperti mana prosedur biasa pengundian awam, melibatkan prosedur seperti wakil calon, *polling agent* dan *counting agent*.

Cuma dilaksanakan beberapa hari lebih awal daripada pengundian awam. Pemilih yang terlibat dalam undi awal ini akan membuang undi di tempat pembuangan undi *locality* yang berhampiran dengan tempat tinggal semasa mereka menggunakan *locality* pemilihan awam. Pengiraan jumlah pengundian hendaklah dilakukan pada hari yang sama. Pengumuman rasmi oleh pengurus pilihan raya juga hendaklah dilakukan sebaik sahaja keputusan rasmi penjumlahan undi diperolehi.

Tuan Loke Siew Fook: Penjelasan sedikit.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Berkenaan dengan poin yang keempat ini, pengiraan jumlah pengundian hendaklah dilakukan pada hari yang sama. Saudara mencadangkan hari yang sama semasa dia buang undi atau hari sama hari mengundi?

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Ya. Hari mengundi.

Tuan Loke Siew Fook: Hari mengundi?

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Bukannya dikirakan terlebih dahulu?

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Penjelasan begini Yang Berhormat. Pengundian awal telah pun berlaku, kemudian kita ada *counting agent*, kita ada 'KTM', undi itu dikira masa itu. Kemudian borang yang 14 itu diserahkan kepada pengumuman rasmi nanti.

Tuan Loke Siew Fook: Ya. Saya punya pandangan sebab saya pun berpandangan begitu. Akan tetapi ada pandangan lain mengatakan bahawa kalau dikirakan undi pada ketika itu, maka keputusan diketahui siapa yang mendapat berapa undi sebelum pengundian untuk pengundi awam. Jadi itu akan sedikit memberikan gambaran bagaimana kedudukan undi itu. Jadi itu mungkin akan menyebabkan persepsi pengundi berlainan.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Okey Yang Berhormat. Ini undi awal. Ini adalah cadangan undi awal yang kita kira awal sebab...

Tuan Loke Siew Fook: Saya faham. Maksud saya bahawa katakan satu kawasan ada 3,000 undi pos, 3,000 undi itu telah dikira. Katakanlah calon 'A' mendapat 2,800, calon 'B' mendapat 200, jadi itu sudah ada majoriti 2,600. Jadi kalau majoriti 2,600 itu telah diketahui oleh pengundi-pengundi lain di kawasan itu, maka pada hari mengundi ia mungkin akan mempengaruhi persepsi pengundi pada ketika mengundi itu.

Ada mungkin yang tidak ada motivasi hendak pergi keluar mengundi atau bagaimana? Jadi itu mungkin akan memberikan sedikit kesan kepada pengundi-pengundi lain. Apa pandangan?

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Okey. Pertama, sebab kita buat begini yang pertama kita mengelak daripada undi pos tadi, jangan berlaku undi pos. Jadi kita membuat satu alternatif iaitu undi awal. Kemudian pengiraan itu. Pengiraan yang itu tadi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, jadi di sini barangkali kita mungkin boleh mengadakan satu lagi – sebab orang yang tertentu sahaja yang boleh hadir pada hari itu. *Polling agent*, *counting agent* dengan 'KTM' sahaja yang memegang borang 14 untuk diisytiharkan apabila nanti penjumlahan undi keseluruhannya. So, pada saya tidak timbul akan keluar di sini kenyataan sebab ia ada pemegang amanah di situ yang memang sudah pun mengangkat sumpah.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi secara realistiknya, ia tidak akan berlaku sebab sekarang – kalau sekaranglah pengiraan undi berjalan, SMS pun sudah keluar. Siapa dapat berapa undi, siapa dapat berapa undi dan teknologi maklumat sekarang begitu cepat sekali. So, ia tidak akan ada *secrecy*. Memang SMS akan keluar. Dalam bilik sudah tekanlah calon 'A' dapat berapa, calon 'B' dapat berapa? Jadi saya rasa itu memang walaupun dari segi praktikalnya saya setuju cadangan itu untuk memastikan bahawa kita transparent pengundian dijalankan pada ketika itu tetapi ada kesannya kepada corak pengundian kepada pengundi-pengundi lain. Saya harap itu dapat dipertimbangkanlah.

■1045

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya hendak bertanya wakil Sabah, PAS Pusat tanya PAS Sabah, Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: PAS Sabah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Autonomi. Cadangan supaya dikira pada masa itu, adakah kerana PAS Sabah kluatir kalau disimpan selama tiga hari di mana-mana akan menjejaskan keselamatan peti undi ataupun kerana sebab memang pihak PAS Sabah hendak tahu keputusan awal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rasah tadi. Mungkin ada kesan kepada pengundi dan kesannya boleh dua arah kalau satu parti itu ketinggalan, dia akan berkempen lebih kuat untuk memujuk tetapi bagi parti yang kuat, dia akan mengatakan jawapan sudah tahu. Tidak kisahlah undi parti kami yang *leading* ini. Jadi apakah kalau kita simpan itu boleh dicadangkan penyimpanan itu selamat dengan *seal* yang selamat bagi menjawab cadangan Yang Berhormat Rasah ini.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya mengenai undi awal ini iaitu PAS Sabah berpendapat seperti yang disebut tadi dan sebab itulah kita tidak minta disimpan undi itu tetapi yang kita minta dikira undi. Kemudian yang borang 14 yang memang keputusan itu ada. Sebab itulah mungkin yang ini kita boleh tambah pembaikan lagi sebab disebut tadi kata ada SMS. Mungkin yang ini kita tidak benarkan petugas-petugas termasuk KTM itu guna SMS.

Tuan Loke Siew Fook: Jadi tiga hari tidak mungkin. Tiga jam pun susah, jangan cakap tiga hari, memang susah. Ini secara terus terang, pengalaman. Saya rasa ini tidak boleh, dia punya *temptation* untuk bagi tahu ini tidak boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Boleh atau tidak kita tanya SPR sekarang ini prosedur sekarang ini, minta maaf. Undi pos ini, nama sahaja undi pos tetapi bukan secara pos. Polis, umpamanya kita ambil contoh polis. Setiap bandar kita ada polis. Jadi polis ini dibenarkan mengundi awal sekarang ini kerana kita takut kalau dia di hari mengundi, dia pun hendak mengundi, siapa yang hendak jaga keselamatan. Jadi bagi peluang kepada mereka undi awal tetapi dinamakan undi pos. Jika masukkan dalam beg. Lepas itu bila undi pos ini dikira? Itu yang hendak tanya prosedur sekarang supaya kita faham. Kita minta SPR bagi penjelasan dahulu, baru kita tahu.

Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha SPR]: Saya daripada SPR, Noordin Che Ngah. Prosedur hari ini walaupun kita sebagaimana Yang Berhormat sebut undi pos dua ataupun tiga hari lebih awal daripada undi biasa. Karung-karung undi pos itu kita bawa kepada pejabat pegawai pengurus dalam jagaan selamat, undang-undang menyebut begitu dan *normally* dia akan simpan di lokap polis atau di pejabat pegawai

pengurus dan dikira pada hari mengundi sebenar. Oleh kerana pengiraan undi pos ini memakan proses, ada beberapa peringkat demi peringkat daripada pembukaan, penentuan borang A bersama dengan kertas undi dan sebagainya, maka itu dibuat awal tetapi *counting proper* benar-benar itu adalah pada sama selepas pukul 5, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Itu untuk pengetahuan kita, sekarang yang berlaku sekarang begitu walaupun dia mengundi awal dimasukkan ke dalam karung, disea/kan dan selepas itu disimpan, mungkin dalam balai polis, lokap dan seterusnya untuk memastikan dia tidak dikacau oleh mana-mana pihak. Selepas pukul 5 hari mengundi, ia mula dibuka dan mula dikira. Itu cara yang dibuat sekarang.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya bagi satu contoh sebab jangan kata undi pos. Untuk praktis sekarang ini macam Sabah dan Sarawak ada banyak kawasan pedalaman. Masa mengundi hanya sampai pukul 12 tengah hari atau pukul 2.

Jadi dalam dua tiga jam itu, undi sudah keluar macam Pilihan Raya Negeri Sarawak yang lepas, sudah tahulah undi, ini undi kawasan luar bandar. Macam-macam, ada pula kata kita Pakatan Rakyat sudah menang satu kerusi di luar bandar. Mungkin kita akan jadi kerajaan negeri.

Ada *rumors* macam ini keluar dan ini mungkin akan menyebabkan persepsi pengundi akan mungkin merasa takut atau macam mana. Macam-macam akan persepsinya. *Move way*lah kesan kepada kedua-dua belah pihak. Jadi *secrecy* itu tidak ada kerana sekarang memang untuk Sabah dan Sarawak, cepat. Pukul 2 sudah tahu dalam peti itu hanya 200 undi untuk kawasan-kawasan luar bandar di setiap peti undi. Jadi apabila keputusan itu diketahui dengan lebih awal, mungkin ada sedikit kesan kepada tempat-tempat lain.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nanti sekejap, hendak tanya SPR. Memang betul seperti mana yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Rasah bahawa ada beberapa tempat di Sarawak dan Sabah, pedalamanlah yang sedikit bilangan pengundi oleh kerana itu waktu tutup mengundi dipercepat sampai pukul 1 atau awal daripada itu pun ada. Soalan kepada SPR, kiraan di tempat undi itu bila? Adakah selepas tempat undi itu ditutup atau tunggu selepas itu. Hendak tanya.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Yang Berhormat, kalau bilangan pemilih itu sedikit, tentunya ditutup awal dan peraturan yang kita gunakan hari ini, selepas pukul 12.00 kita kira. Ataupun kalau di luar sana, di bawa dengan helikopter ke pusat penjumlahan undi berkelompok Yang Berhormat. Akan tetapi yang jauh-jauh itu, selepas pukul 12.00 kita sudah mula mengira di tempat itu dan bawa balik keputusan itu kita jumlahkan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau sudah kira, dia tahulah keputusannya itu walaupun pedalaman, kalau pukul 12.00 kira, katakanlah satu jam. Saya

ingat tidak sampai satu jam 300 atau 200, 50 kertas sahaja. Jadi *by one o'clock everybody the whole world will know* tetapi bilangannya berapa banyakkah tempat-tempat begini.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya rasa Tuan Pengerusi, jumlah itu tidak kira cuma *equivalent* daripada undi yang dibuat oleh PAS Sabah itulah masa itu awal. Jadi rasanya tidak jadi masalah sebab undi pos sekarang ini yang banyak pun macam Teluk Kemang yang besar, yang ada ribuan di Parlimen Lumut misalnya tetapi macam Kuala Krai, ada juga undi pos yang mengundi tiga hari awal tetapi 149. Macam satu undi di Lawas sana juga lebih kurang. Jadi kalau undi awal pun saya rasa tidak jadi masalah.

Dahulu kita kira di tempat penjumlahan tahun 1990. 1995 kita tukar pengiraan kalau tidak salah saya di tempat pengiraan undi. Kenapa kita buat di situ, kerana kita tidak hendak peti undi itu berjalan. Kita hendak di situ.

Jadi kalau undi pos seperti yang PAS Sabah sebutkan tadi, undi awal berjalan juga dan bukan setakat berjalan disimpan pula beberapa hari. Jadi ini akan menimbulkan bali isu yang dipersoalkan dahulu kenapa kira di situ, hendak mengelakkan peti undi ini berjalan, peti undi ini duduk di bawah pengawasan yang lama walaupun dikatakan dalam lokap dan sebagainya. Jadi saya rasa pandangan PAS Sabah itu boleh dipertimbangkan demi keselamatan dan hendak mengambil *spirit of amendment* yang kita buat mengapa kita kira di tempat kita mengundi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Walaupun kita akan tahu keputusannya awal, okey. Ini jawatankuasa kami hendak dengar berapa banyak cadangan supaya kami dapat buat rumusan kemudian hari, *insya-Allah*.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau tanya saya, saya sokong PAS Sabah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: PAS Pusat sokong PAS Sabah.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Okey, terima kasih. Saya terus pembentangan. Undang-undang dan peraturan iaitu PAS Sabah meminta Suruhanjaya Pilihan Raya mengguna pakai penggunaan dakwat kekal dalam proses perjalanan Pilihan Raya Ke-13 dengan syarat sama ada meletakkan kelingking jari iaitu satu buku ada ruas, satu ruas jari ini nampak ruas ataupun ibu jari mestilah diletakkan di situ dakwat kekal. Itu permintaan daripada PAS Sabah untuk pilihan raya yang ke-13 ini

Seterusnya hal ini bagi mengatasi masalah pengundian berganda lebih dari sekali oleh mana-mana individu yang tidak bertanggungjawab. Penggunaan dakwat kekal tersebut perlu meninggalkan tanda yang jelas dan tidak meragukan bagi mana-mana pengundi yang telah melaksanakan kewajipan mengundi. Ada persoalan?

Seterusnya Suruhanjaya Pilihan Raya. PAS Sabah meminta agar rakyat Malaysia yang berada di luar negara diberi peluang untuk membuang undi secara bukan undi pos tetapi undi awal memandangkan bahawa hak mereka selaku warganegara yang telah

mencapai umur 21 tahun untuk mengundi telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Maka adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya atau SPR yang telah diamanahkan untuk melaksanakan proses pilihan raya ini seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk membantu mereka mendapatkan hak mereka.

Seterusnya Suruhanjaya Pilihan Raya atau SPR adalah diminta untuk menyediakan bahan-bahan panduan berkaitan proses perjalanan pilihan raya kepada wakil-wakil parti, buku panduan dan agen tempat mengundi, agen mengira undi terkini yang sehingga kini belum barangkali dikeluarkan oleh SPR.

Jadi inilah ada tujuh perkara yang telah dibangkitkan oleh PAS di Sabah untuk penambahbaikan dalam proses pilihan raya kali ke-13 ini untuk dipertimbang dan dilaksanakan dalam pilihan raya yang ke-13. Jadi kalau ada yang hendak dibahaskan lagi, sila kemukakan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Terima kasih PAS Sabah. Kita terima dengan jelas dan hati terbuka.

Tuan Loke Siew Fook: Cukup jelas.

Encik Mohd. Aminuddin bin Aling: Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih di atas penghargaan dan pendengaran kepada pembentangan kami tadi. Sekian, *assalamualaikum warahmatuhi wabarakatuh* dan terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, yang ketiga dalam senarai kita ialah seorang individu Yang Berbahagia Datuk Verus Aman Sham.

[Saksi-saksi individu mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia individu dengan kawan-kawan. Datuk kena maklumkan kepada kita.

10.58 pg.

Datuk Verus Aman Sham: Kami sebagai *concerns citizens* dan juga sebagai aktif *observer political development* di Malaysia terutama sekali di negeri Sabah. Jadi saya boleh perkenalkan?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, jadi individu serta kawan-kawan?

Datuk Verus Aman Sham: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada kumpulan, tidak ada persatuan?

Datuk Verus Aman Sham: Tiada kumpulan.

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad: Sebutkan nama Datuk.

Datuk Verus Aman Sham:Saya Datuk Verus Aman Sham seorang pesara, pencenlah dan di kanan saya Robert Munang daripada daerah Penampang dan di kiri saya James Samanu daripada Papar. Saya dari Papar. Hanya dua tiga perkara sahaja yang kami ingin bincang di sini.

Pertamanya *gerrymandering*. Ini memang saya sudah lama dengar perkataan *gerrymandering*, yang betul saya dengar 40 tahun dahulu waktu saya belajar *political science*.

Akan tetapi waktu itu *I didn't know that gerrymandering can be used in this criminate to jeopardize the process of democratic election*. Waktu itulah tetapi nampaknya *through gerrymandering* ini memang *used by a lot government* tapi *in discriminate used*.

■ 1100

Ini *resulting in electoral blundering yang unrealistic, in practice, base on race* dan sebagainya. Jadi *is not healthy for democratic election*. So itulah kami minta ini panel mahu kaji mungkin mesti perlu mengadakan kriteria yang baik. Kriteria seperti padang main bola, padang main badminton *court* memang ada dia punya *design* yang berkriteria supaya *the game of football can be played in a particular manner*. Badminton, sama juga politik.

Jadi kalau *a little boundary is a a squarekah, roundkah, oblongkah* begitu, jadi ada ini *what you call, a level playing-fieldkah?* Jadi now kami nampak ada yang tidak *level playing-fieldlah*. *Even in my own daerah in Paparlah*. Dia punya *electoral boundary* itu dahulu, *very straight forwardlah*. Akan tetapi sekarang, *I don't know* dia punya *boundary* macam *snakelah you know*. Jadi *favoring one particular party* begitu ataupun itu satu *we need a criteria to make to determine a guideline for review of Parliamentary boundary*. *I think* itu diadakan 10 kali, tidak usah sekali, sepuluh tahun *or something like that must have a good criterialah*.

You know that to enable this better political level playing-fieldlah. And also yang sekarang ini *there is a disproportional representation*. Ada yang *small constituency*, ada yang besar. Jadi bolehkah *in a big constituency* mungkin *rules of migration* ataupun boleh dikaji di mana *in a big constituency, very big* boleh diadakan *more than one representative*. *No need to change about it* tetapi *more than one representative*. Saya ingat boleh dikaji. Macam Petaling Jaya, Bukit Bintang or *somewherelah, or why not one representative for so many voter*.

Why not kaji boleh dapat tiga in *one constituency?* *I don't know, is only a question*, cadanganlah. *Okey, that is one*. *I have this on genre boundry* lah. Kedua, ini *indelible ink*lah. Ini sudah banyak kali disebut. *Indelible ink* ini *by defination indelible must be indeliblelah*. Kelmarin Dato' Yong Teck Lee kata *you know may be dia... vote*. *But to us sendiri, I think indelible* sepatutnya *must be by definite is indelible*. *I meant technologically it can do that*. At

*least too large*lah. Bukan *permanent last* tetapi *permanent* ini tidak boleh cucikan tetapi *at least to last during a period of election you know*. Then boleh cucikah, apakah? *So that is on our comment on indelible ink*.

Ketiga ini, *this favourite of all the party* yang sudah berucap. Ini *electoral roll* lah. *Electric rolle ini for what we see, for what we heard* dan kaji memang *is special in Sabah*.

Electoral roll ini memang ada *traitored*, ya memang ada *traitored*, dikotorlah *you know*, yang kotor. Ada *traitored*. *I don't know what it is, this what kotor is... in Parlimen but anyway*. Is ada *traitored*. Jadi ia *different*. Cara-cara yang sudah dicadangkan untuk memperbaiki, untuk *review, expunge, clean-uplah*, bersihkan *other traitor electoral roll*.

*So, we appeal to the panel that what is being wrong must be put right*lah. So, saya ingat *what's been wrong must be put right*. Kalau di anggapan ini memang *something went wrong, so must be put right*. Channel apa? Mungkin RCI *is one of them*. Memang RCI *will proses di mana the owners approving that you are an eligible voter is that you are a citizen*. *Under it goes right down to the di mana they have to the owners says for the individual person who are now eligible to vote* oleh sebab dia mempunyai MyKad tetapi *may be holding the Mykad illegally or although is legal but haram you know*. *I mean this is a common*. *You can have a legal MyKad but this is the haram MyKad or I don't know*.

Jadi, patut digunakan *I think one of the best way* di sini *birth certificatelah*. *The owners say that this people must be asked to provide a birth certificate*. Macam saya tadi ini *we can produce* saya punya *birth certificate* bapa, mama, *even* tahu semua di mana kerana *I know I was a government servant for 32 years*lah. *32 long years* sampai wajib bersara. Jadi saya tahu, *I know people*. *I mean the housing and...* Jadi pekerja-pekerja itu *from non Malaysian* jadi *Malaysian*. *I don't know what is it mean* lah, *so okay*. Jadi itulah yang, *so it got to be some what have been wrong must be put right*. Jadi banyak cadangan daripada parti-parti *formal citizens, common citizens*.

Now last point ini komenlah. *I think kami, we discussed, we feel that general election is coming sooner than expected*. *I think sooner than expected*. Mengikut *pointers here and there*, kalau tidak mungkin *three to five months I rebatelah with a lot*. *I am... student in political science*. Jadi *I analyzed sooner than expected*. *I think we will, don't be surpriselah*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *You tell us man*.

Datuk Verus Aman Sham: Ya, bilakah?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bila, bila..

Datuk Verus Aman Sham: *Itu finally up to our Perdana Menteri but it will be sooner than expected*. *From the pointers I am still travel walaupun I am retirement, I travel toward Malaysia, I got kawanlah all overlah*. Okay, by the way jadi what we appeal is this that kalau *election* ini diadakan *sooner than expected* jadi tidak ada masa ini. Walaupun RCI

ditubuhkan. *It takes a lot of time. So may be start at least lah indelible ink* ini perlu dan patut digunakan di Malaysia. Sekian itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Thank you.*

Datuk Verus Aman Sham: *Thank you, we appreciate it.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Thank You Datuk. May be your friend would like to add something. Jangan repeatlah.*

Datuk Verus Aman Sham: *Ya lah.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *We just give you a few minutes..*

11.08 pg.

Encik Robert Munang: Terima kasih Tuan Pengerusi. *My name is Robert Munang daripada Penampang. Satu sahaja actually, I think everybody knows that the problem in Sabahlah, you know, everybody is complaining about the electoral role. So I think everybody also knows the what you call this..., years voters data in the the electro role. So I think everybody also knows the what you call this dubious voters data in the Sabah electoral role. I think my suggestion is that the panel should seriously look at cleaning the electoral role. I think cleaning the Sabah electoral role okay. What needs to be done I think is for NRD to varify because we know that the dubious voters who are issued the MyKad there is a range of numbers that is provided. So I think NRD should immediately do this thing, verify this thing and clarify that the status of these voters. So to me for this election since if was stated that this election is a mother of all general election. So Sabahan want clean election you know, fair for everybody. Level playing-field. So the only way to go about this is to have a clean electoral role and this can be done. So I hope the panel can seriously look into this. Thank you very much.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Thank you very much Yang Berhormat. Your kawan?*

Datuk Verus Aman Sham: *So Tuan Pengerusi, saya ingat itu sahaja kami punya komen-komen dan cadangan-cadangan dan harap dipertimbangkanlah.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Terima kasih Datuk. Terima kasih, thank you. Okay nombor empat sekarang ini. Kita panggil PEKEMAS Sabah.*

[Saksi dari PERKEMAS Sabah mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

11.11 pg.

Encik Marsidi Katong: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh..*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Walaikumussalam.*

Encik Mohd. Marsidi Katong: Dan salam sejahtera. Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk memperkenalkan sahabat-sahabat yang berada di kanan dan kiri saya. Saya sendiri adalah Mohd. Marsidi Katong, Presiden Pertubuhan Kebajikan Masyarakat Sabah. Sebuah NGOlah dekat Sabah ini.

Di sebelah kanan saya ini adalah timbalan Presiden saya, Saudara Sariman, di hujung sebelah sana saudara Jofrid Nassif, Ketua Penerangan PEKEMAS Sabah, sebelah kiri saya sendiri adalah Saudara Masnudin, Setiausaha Agung saya dan di hujung sebelah sana adalah saudara Kung iaitu *one of our* Anggota Majlis Tertinggi.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya kepada Tuan Pengerusi bersama seluruh Ahli Jawatankuasa kerana sudi memberikan peluang dan kesempatan kepada PEKEMAS Sabah untuk turut sama menyampaikan dan menyumbangkan cadangan-cadangan yang nantinya kita harapkan dapat dipertimbangkan oleh jawatankuasa ini sebagai salah satu daripada proses penambahbaikan pilihan raya.

Baik, saya teruskan kepada cadangan kami. Pertama, PEKEMAS Sabah mencadangkan selepas sebuah kerajaan dibentuk melalui suatu proses pilihan raya, fokus utama kerajaan, pembangkang dan parti-parti yang terbabit hendaklah kembali kepada pembangunan negara. PEKEMAS mencadangkan agar SPR mewujudkan peraturan tempoh bertenang (*cooling period*) selama tiga tahun. Di mana semua parti hendaklah menumpukan kerja kepada kerja-kerja membangunkan negara dengan mengetepikan isu-isu politik sebaliknya fokus kepada isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara. Pandangan ini diberi berdasarkan kepada PEKEMAS sebuah pertubuhan yang memfokuskan kepada kebajikan masyarakat. Dalam hal ini, kebetulan kita berada di Sabah, saya orang Sabah dan PEKEMAS Sabah diwujudkan untuk menjaga kebajikan bagi membantu meringankan beban yang dihadapi oleh masyarakat kita.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tuan Pengerusi, bolehkah saya bertanya. Saya amat tertarik tentang cadangan iaitu *cooling period* selepas pilihan raya tiga tahun ini? Adakah cadangan saudara iaitu bagaimanakah kita melaksanakan *cooling period* itu? Adakah cadangannya kita jadikan ia satu kesalahan kalau selepas pilihan raya tiga tahun, sesiapa yang sebutkan perkara-perkara tentang politik, itulah satu kesalahan. Boleh atau tidak, adakah itu satu cadangan?

Marsidi b. Katong: Maksudnya, okey, *let's say* contoh by Januari 2012, kita mengadakan pilihan raya yang ketiga belas. Kemudian parti 'A', parti 'B', parti 'C' parti 'D' bertanding. Katakanlah parti 'A' kah menang, okey? *Whatever*. Setelah Januari 2012, sebuah kerajaan ditubuhkan. Parti 'A', 'B', 'C' or 'D' kalau *the government itself* ataupun *opposition* mesti mematuhi peraturan *cooling period* tersebut untuk tempoh tiga tahun ke

hadapan. Bukan kita minta mereka tidak berpolitik, berpolitik. Akan tetapi jangan seperti sekarang Yang Berhormat, kecoh. Faham tak?

■1115

Ini cadangan ya tuan-tuan, ini cadangan jadi jangan dibantah. Maksud saya ini cadangan tugas tuan-tuan selaku jawatankuasa untuk mempertimbangkan dan merencanakannya.

Kami PERKEMAS Sabah melihat dari segi kebajikan masyarakat baik di Sabah mahupun pada Malaysia secara keseluruhannya kita menjalankan ada *cooling period*. Saya rasa sudah tiba masanya kita ada *cooling period* supaya kita lebih – apabila dia terima keputusan baik yang menang mentadbirlah secara bertanggungjawab, memerintahlah secara bertanggungjawab yang kalah mesti menerima kekalahan tersebut memperbaiki kelemahan untuk berperang untuk tempoh lima tahun akan datang. So, kurangkan aktiviti berpolitik tetapi fokus kepada tugas masing-masing. Kerajaan menang, pembangkang menang dia buat kerja dia.

Pembangkang *doesn't mean* dia *opposition* dia tidak boleh buat kerja dia. Dia jaga kawasan dia, dia jaga kebajikan bukan asyik hendak berpolitik begitu juga kerajaan. Bukan apabila sudah dapat *title* dia Ahli Parlimen dia ADUN dapat jawatan Menteri itu dia tidak buat kerja dia, dia tidak turun padang. So *both side* harus memberikan *cooling period* untuk buat kerja. Ini kehendak masyarakat. Baik, di mana semua parti politik hendak menumpukan kerja pemenang. Okey, yang kedua Tuan Pengerusi semua parti politik yang menyertai pilihan raya mestilah secara matang dan profesional tanpa prejudis menerima keputusan pilihan raya. Okey, PERKEMAS Sabah mencadangkan agar SPR bertegas terhadap mana-mana parti yang menimbulkan kekecohan selepas keputusan pilihan raya umum diumumkan.

SPR juga perlu mengeluarkan satu garis panduan *code of ethic* saya rasa mungkin sudah ada *wallahualam*. Kalau ada mungkin perlu ditambahbaikkannya ataupun *implementasi*nya mesti dipertegas yang diterima pakai oleh semua parti. Sesiapa yang melanggar kod etika ini perlu dikenakan tindakan. Tujuan sebenarnya kod etika ini adalah untuk menyerapkan nilai-nilai moral melalui demokrasi terpimpin. *You* menang *you* terima, *you* kalah *you* kena terima. Jangan bila menang *you* diam, *you* kalah *you* bising. Tidak kisahlah kerajaankah, parti pemerintahkah, atau pembangkangkah demokrasi terpimpin ini harus jadikan sebagai satu budaya dalam kita berpolitik di negara Malaysia yang tercinta ini. Itu cadangan PERKEMAS Sabah.

Tuan Pengerusi yang ketiga setiap kali pilihan raya umum atau pilihan raya kecil diadakan. Ini satu idea dari PERKEMAS Sabah yang saya rasa tuan-tuan mungkin boleh

fikir secara lebih seriuslah. SPR membelanjakan jutaan ringgit untuk memastikan perjalanan pilihan raya terus dan lancar.

Bagi menjimatkan kos, PERKEMAS Sabah mencadangkan sekiranya DUN, MP atau MP meninggal dunia pilihan raya kecil tidak perlu diadakan jika jumlah atau peratusan majoriti kemenangan DUN atau MP itu melebihi daripada peratusan yang telah ditetapkan oleh pihak SPR. Parti yang menang boleh melantik pengganti. SPR perlu mengkaji piawaian yang sesuai bagi tujuan ini. Maksud saya macam ini tuan-tuan dan puan-puan.

Bagi kawasan 'A' contohnya, Tuan Pengerusi calon 'A' menang dengan majoriti lapan ribukah, sepuluh ribukah, lima belas ribukah dalam pilihan raya tersebut. Tidak kisah kecil pilihan raya umum. Calon 'B' kalah dengan hilang wang pertaruhan contohnya ataupun dia mendapat undi di bawah jumlah yang jauh berbeza. Calon 'A' mendapat majoriti 15,000 yang di pihak lawan ini cuma mendapat undi 1,500 ataupun *below one thousand*. So, kita cadangkan SPR mengenakan peratus tertentu *it's up to you* SPR yang tentukan bukan saya, saya cuma mencadangkan. Menetapkan peratus kadar tertentu sekiranya calon yang kalah itu tidak mencapai peratus tersebut maka dan yang menang itu mendapat majoriti yang besar.

Kemudian dia meninggal dunia contohnya. Tidaklah perlu diadakan pilihan raya memandangkan kepada gap majoriti yang begitu besar. Keputusan-keputusan pilihan raya yang sebelumnya juga perlu diambil kira tentang jumlah majoriti yang dimenangi oleh calon tersebut. Jadi kita boleh *save* duit kerajaan duit *government* so apa yang kita cadangkan timbul persoalan so bagaimana kerusi tersebut. Parti yang menang katakan parti 'A'. Dia berhak untuk melantik wakil untuk tempoh selanjutnya sampai *the next election* untuk mewakili yang meninggal itu. Akan tetapi, sekiranya kawasan tersebut kedua-dua parti calon 'A' dan 'B' dua-dua menang dan kalah dalam jumlah yang tidak terlalu jauh maka pilihan raya kecil boleh diadakan seperti mana biasa.

Cadangan ini bertujuan untuk menjimatkan kos kerana kita lihat tahun 2009, tahun 2010 terlalu banyak Ahli MP atau ADUN kita yang meninggalkan dunia - *past away*. So, ini merupakan salah satu cadangan PERKEMAS Sabah di mana pertubuhan kami ini menumpukan kepada kebajikan. Kita melihat begitu banyak duit ditaburkan kepada politik ini kepada pilihan raya-pilihan raya kecil yang – kami cuba mencadangkan agar dikurangkan pilihan raya *expenses* ini dengan cadangan sebegini tadi. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, sedikit pencilan antara Encik Marsidi.

Encik Marsidi Katong: Ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Wakil ini tadi yang dicadangkan itu yang kita faham bila wakil boleh dilantik apabila majoriti begitu melebihi jumlah yang ditetapkan.

Adakah wakil ini statusnya dan imbuhanannya seperti elaunnya sama dengan Ahli Parlimen ataupun tidak? Itu merupakan perkara teknikal yang boleh diputuskan oleh pihak Yang Berhormat. Bukan. Maksudnya kalau hendak menjadi wakil kepada kedua-dua itu dia kena duduk dalam Dewan Parlimen kena bercakap di dalam itu.

Encik Marsidi Katong: Tidak Yang Berhormat Kuala Krai. Tidak perlu, tidak perlu. Minta maaf ya Tuan Pengerusi. Yang menggantikan itu adalah parti yang menang. Contoh parti A. Mati orang dia. So lantiklah siapa-siapa *within them* dan mereka bermesyuarat dan berbincang mereka memutuskan untuk melantik seseorangkah untuk menjadi wakil.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang ditanya elaunnya...

Encik Marsidi Katong: *That's why* Yang Berhormat Kangar apabila dari segi elaun *that's not for me to answer*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Encik Marsidi Katong: Itu terserah kepada parti yang menang. Dia hendak bagi RM10,000kah, RM20,000kah, RM60,000kah? Biarlah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bukan parti memberi elaun.

Encik Marsidi Katong: *Whatever?* Parlimen *or whatever* Tuan Pengerusi. *The most important* bagi kami PERKEMAS Sabah kami cadangkan itu, elaun itu, urusan Parlimenlah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]: Bagaimana dengan wakil rakyat yang bertanding sebagai calon BEBAS? Kalau malangnya apa yang jadi? Siapa yang ganti?

Encik Marsidi Katong: Dia menang?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya. Siapa yang ganti seorang calon BEBAS? Kita panggil orang BEBASlah.

Encik Marsidi Katong: Yang Berhormat Alor Gajah. Macam ini okey. Calon BEBAS tentu dia ada organisasi dia.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Mana dia ada organisasi.

Encik Marsidi Katong: Maksud saya dia ada dia punya orang. Ada orang-orang dia. Dia kunci, dia pakai kunci. Parti Kunci contohnya parti Payung. *It's among themselves* lah. *They have the right when they were elected as a Member of Parliament or as an ADUN they have all the rights. Even though* dia BEBAS *doesn't mean they don't have the right*. Dia ada orang dia ma...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, okey saya faham. Maksudnya PERKEMAS ini ialah untuk menjimatkan wang negara.

Encik Marsidi Katong: PERKEMAS Yang Berhormat Kangar. Bukan KEMAS bahaya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, PERKEMAS. Maksud PERKEMAS ialah untuk menjimatkan wang negara. Tahun kebelakangan kita ada 16 kali pilihan raya kecil...

Encik Marsidi Katong: Betul.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Banyak duit yang rugi. Apakah pandangan saudara kalau kita katakan apabila ada satu kekosongan kematiankah tidak payah ada langsunglah pilihan raya kecil. Tidak payah. Siapa pun tidak payah ganti. Senang macam mana cadangan begitulah.

Encik Marsidi Katong: Terserah, boleh juga terserah. *You're the bos*. Tuan-tuan nanti di *final saying* okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, okey.

Encik Marsidi Katong: Kami yang mencadangkan okey. Sebab itu terima 70% pun jadilah Yang Berhormat Kangar. Saya teruskan. Keempat, peletakan jawatan atau mengosongkan kerusi DUN atau MP tanpa sebab yang munasabah akan memberi kesan terhadap proses demokrasi dan pembaziran wang rakyat. PERKEMAS Sabah mencadangkan agar Ahli DUN atau MP yang berbuat demikian iaitu meletak jawatan tanpa sebab tidak ada angin, tidak ada ribut tiba-tiba ada – dicadangkan agar disenaraikan hitam daripada menjadi calon selama-lamanya termasuklah ahli keluarganya. Ini cadangan. Sebelum itu sebab kita bukan sepanjang hayat Tuan Pengerusi bukan seumur hidup, sepanjang hayat. Sebab Tuan Pengerusi, kita kata sepanjang hayat ya bukan seumur hidup.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sekiranya ada orang yang meletakkan jawatan...

Encik Marsidi Katong: Ya, tanpa alasan yang munasabah yang boleh difikirkan oleh manusia yang waras.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi dia di...

Encik Marsidi Katong: Kita cadangkan *forever not only him* tetapi dia punya...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Adik-beradik, *siblings* pun anak saudara dia pun tidak boleh juga.

Encik Marsidi Katong: Itu cadangan Tuan Pengerusi ya. Bukan apa kita hendak menunjukkan bahawa perbuatan sedemikian merupakan satu perbuatan yang sangat tidak bertanggungjawab pertama sekali memperlekehkan sistem Suruhanjaya Pilihan Raya kita yang ada di negara kita ini. Kita tidak hendak ada masyarakat tempat kita ini tidak kisah dia kerajaankah, pembangkang yang mempunyai paradigma pemikiran seperti itu yang boleh merosakkan citra politik di negara kita ini. Baik, saya teruskan Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apabila suami *resign* isteri tidak boleh bertanding. Anak pun tidak boleh bertanding.

Encik Marsidi Katong: Yang terdekatlah. Sepupu sepatutnya itu mungkin boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Seumur hidup?

Encik Marsidi Katong: Yes, kita cadangkan. Seumur hayat bukan seumur hidup Yang Berhormat Kangar. Sepanjang hayat, kalau seumur hidup itu umur 40 tahun, umur 80 tahun dia boleh bertanding lagi. Seumur hayat maksudnya berkhidmat ya. Tuan Pengerusi ya kita mencadangkan. Saya tidak memutuskan, saya mencadangkan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang keluar parti dan masuk parti lain macam mana pula?

Encik Marsidi Katong: Itu tidak termasuk dalam cadangan kami mungkin kawan-kawan, mungkin sahabat-sahabat yang lain Yang Berhormat Kangar. Sahabat-sahabat selepas ini mungkin ada ya. Baik, saya teruskan Tuan Pengerusi. kelima, penggunaan dakwat kekal *indelible ink* di dalam pilihan raya merupakan satu alternatif bagi mengelakkan penipuan, satu alternatif. Negara-negara seperti Mesir, Filipina, Cameroon dan Afganistan pernah menggunakan. Walau bagaimanapun tiada jaminan bahawa penggunaannya dapat mengelakkan penipuan. Misalnya pemilihan Presiden Afganistan tahun 2004 dan tahun 2009.

Ramai saksi mengatakan bahawa dakwat kekal itu boleh dibersihkan. Sebab kita lihat pendapat sahabat-sahabat, saudara-saudara kita kelmarin pun ada berpandangan yang seperti itu. Ada kecurigaan terhadap penangguhan penggunaan dakwat oleh SPR pada tahun lepas tahun 2008 kalau tidak silap. PERKEMAS tidak menyokong penggunaan dakwat kekal ini kerana mana-mana parti boleh memanipulasi penggunaannya. Jika dilaksanakan adakah jaminan daripada parti yang kalah untuk menerima keputusan ini? Atau mencari alasan lain untuk menolak keputusan pilihan raya. Jadi dia akan berterusan *continue* macam itu. PERKEMAS Sabah percaya bahawa satu pilihan raya yang telus dan adil boleh dilaksanakan jika semua parti yang terlibat menghormati kredibiliti SPR yang sedia ada.

You must give SPR peluang. Mereka ada yang tuan-tuan dan Dato' Sri yang datang ke Sabah di negeri di bawah bayu yang sangat cantik ini, ini juga merupakan satu bukti ketelusan dan kejujuran serta sifat yang bertanggungjawab kerajaan khususnya SPR bagi memberikan ruang dan peluang seluas mungkin mendengar pandangan, kritikan daripada *public*. Walaupun kita kurang puas hati sedikit daripada tempat yang disediakan ini, *public hearing* tetapi kawan-kawan sebelah itu bising pasal tidak terbuka untuk mereka. Tidak mengapalah itu teknikal ya. Ada pro dan kontranya. Dengar tetapi tidak ada gangguan.

Ada gangguan Tuan Pengerusi bercakap kita tidak dengar tidak mengapalah. Itu teknikal biasalahkan?

Baik, yang keenam pembahagian kawasan DUN MP yang seimbang dapat menjamin keseimbangan kuasa di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ia relevan dengan perjanjian ketika Sabah dan Sarawak membentuk Malaysia bersama Malaya. Keseimbangan ini menjamin kesejahteraan, keharmonian dan semangat 1Malaysia. PERKEMAS Sabah mencadangkan agar SPR mempertimbangkan dengan adil penambahan DUN MP di negeri Sabah dan Sarawak seperti mana yang dicadangkan oleh sahabat-sahabat kita semalam.

Ketujuh, mengundi adalah hak setiap rakyat Malaysia yang telah berumur 21 tahun ke atas. Kos pembiayaan pilihan raya telah mengambil kira jumlah keseluruhan pengundi serta kos-kos logistik lainnya. Sekiranya seseorang yang telah mendaftar sebagai pengundi tetapi tidak datang mengundi tanpa sebab yang munasabah sebenarnya telah membazirkan wang yang telah dibelanjakan. PERKEMAS Sabah mencadangkan agar SPR melaksanakan undang-undang mewajibkan rakyat yang berusia 21 tahun ke atas mengundi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia tidak mengundi dia akan diambil tindakanlah.

Encik Marsidi Katong: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Encik Marsidi Katong: SPR juga mesti bertegas dalam melaksanakan peraturan bagi mereka yang menghalang seseorang pergi mengundi. Biasa kita dengar kadang-kadang tempat kerja kilang-kilang ini tidak benarkan staf dia mengundi sebab dia takut kerugian. Mengundi cuma bukan selalukan? Baik, kelapan. Secara amnya etika berpolitik di negara ini semakin terhakis. Profesionalisme kematangan dan moral di dalam berpolitik juga semakin pudar. Akibat dendam, sakit hati dan mementingkan diri.

■ 1130

Sekiranya perkara ini dibiarkan, maka kredibiliti para politikus kita akan tercalar, PERKEMAS Sabah akan mencadangkan supaya SPR mengenakan tindakan kepada mana-mana parti politik yang menghasut atau membuat kenyataan palsu melalui laman *blog* atau mana-mana media massa yang bertujuan menjatuhkan maruah bangsa. Jadi mesti ada tindakan terhadap siapa sahaja khususnya yang membuat cerita bohong, palsu, fitnah, sebab selama ini kita perhatikan, mereka berasa bebas untuk membuat tuduhan-tuduhan, berselindung di sebalik demokrasi dan berselindung di sebalik kata-kata. Inikan politik, "*gue mahu bercakap sama gue, terserah kepada gue*".

Jadi perlu ada tindakan tegas terhadap pihak-pihak ini agar kita terlatih di dalam erti kata kita berpolitik tetapi berpolitik dalam erti kata demokrasi yang terpenting, ada etika yang kita kena patuhi.

Kesembilan, lanjutan daripada point yang kelapan tadi, PERKEMAS Sabah mencadangkan agar SPR bukan sekadar mengendalikan pilihan raya secara praktis ini, perjalanan-perjalanan pilihan raya tetapi SPR mempergiatkan lagi usaha menyedarkan dan mendidik masyarakat, khususnya para politikus kita dan masyarakat umum secara amnya supaya menerima dan menghormati etika berpolitik yang matang dan profesional, berpolitik jangan sampai ke kubur, kata orang. Kita berpolitik jangan sampai mengetepikan nilai-nilai kemanusiaan sesama kita. Contoh, tidak suka parti A, tidak suka kerajaan A, jangan sampai lagu Negaraku dimainkan, jangan sampai bila ada *function-function*, kita meraikan Hari Kebangsaan contohnya, kita merasa tidak perlu terlibat kerana itu program-program kerajaan contohnya. Sedangkan apabila kita meraikan kemerdekaan, atau hal-hal yang bersangkutan dengan integriti negara, maruah negara di mata-mata negara yang lain, tanpa perbezaan ideologi politik, orang-orang yang mengaku dirinya sebagai orang Malaysia, warganegara Malaysia patut berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah mempertahankan maruah bangsa, bukan sebaliknya.

Jadi kita hendak SPR memainkan peranan untuk mendidik masyarakat kita, bukan bermakna ia menjadi ADUN atau MP ataupun dia jadi ketua itu, ketua ini, dia rasa dia sudah menguasai politik, dia faham segala-galanya tentang politik. Kita mencadangkan kepada SPR, tambah lagi satu tugas iaitu mendidik dan mentarbiahkan ahli-ahli politik kita dan masyarakat secara umum, bagaimana kita berpolitik secara matang. Kita jangan terikut-ikut dengan keadaan politik di luar negara, kacau, kecoh, berbunuh-bunuhan, di Syria, di Libya di Mesir sekarang ini, tidak henti-henti. Kita tidak mahu negara kita menjadi seperti negara mereka. Bukan bermakna di Libya, di Yaman, di Syria, di Mesir sekarang ini berlaku rusuhan, maka di Malaysia juga, ahli politik berfikir, dia mahu lakukan perkara yang sama, satu pendapat yang bodoh, terus terang saya cakap, satu pandangan yang tidak sepatutnya diamalkan dalam budaya politik di Malaysia ini. Biar kita tampil beza, tidak perlu kita merusuh di jalan-jalan, tetap kita beri peluang untuk kita menyalurkan pandangan kita, baik Tuan Pengerusi.

Kesepuluh, peratusan pengundi rakyat Malaysia di luar negara adalah sangat kecil, ini berkait dengan hangat kelmarin tentang undi pos yang orang-orang kita di luar negara. Tiap peratusan pengundi rakyat Malaysia di luar negara adalah sangat kecil berbanding dengan pengundi domestik dalam negara.

PERKEMAS Sabah mencadangkan supaya SPR menumpukan kepada pengundi domestik dengan memberi kesedaran bahawa membuang undi adalah penting bagi sesebuah negara bagi memantapkan proses demokrasi berjalan dengan baik. Oleh itu, jumlah peratusan pengundi domestik yang turun membuang undi akan bertambah. Bukan

kita menafikan hak saudara-saudara kita di luar negara, tetapi kita jelas menyedari hakikat peratus keluar mengundi rakyat Malaysia masih rendah.

PERKEMAS Sabah mencadangkan SPR memberi tumpuan yang lebih lagi agar warganegara yang sedia ada di Malaysia ini, setiap kali hari mengundi, mereka ada kesedaran. Sekarang belum *implement* kewajipan untuk mengundi Tuan Pengerusi kan, kalau kita dah wajibkan, itu lain cerita, tapi sebelum itu diluluskan, belum diwajibkan, maka kita didik masyarakat kita akan tanggung jawab dan kesedaran mereka untuk membuang undi.

Terakhir sekali, iaitu yang kesebelas, selepas pembubaran, secara tidak langsung parti-parti politik telah memulakan kempen, ini bercakap tentang *period* berkempen. PERKEMAS Sabah tidak bersetuju tempoh kempen dipanjangkan kepada 21 hari, walau bagaimanapun, bagi Sabah dan Sarawak, SPR boleh mempertimbangkan perkara ini atas sebab faktor geografi, kita bercakap fakta, lapan hari, sembilan hari di semenanjung, daripada Johor, daripada Kuala Lumpur pergi Perlis itu, bagi saya bawa kereta lima jam sudah sampai, *speed trap* memang tidak kena.

Ertinya jalan daripada Mersing sampai ke Kangar, siapa-siapa yang berada di Kangar dijamin dan *confirm*, insya-Allah dengan izin Tuhan, kalau dia bergerak pukul 1.00 tengah hari, jam 6.00 petang dia dah boleh ceramah dah di Kampung Baru, saya lama di Semenanjung, tujuh tahun tuan-tuan, saya faham betul tentang senario di Semenanjung. Akan tetapi, di Sabah, latar belakang geografi Sabah ini yang berbukit bukau, yang masih banyak tempat-tempat yang tidak boleh jangkau dalam tempoh lapan hari tersebut, maka kita cadangkan pihak SPR boleh mempertimbangkan untuk tempoh, mungkin dua minggu, mungkin 15 hari, mungkin 20 hari...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Semenanjung 10 hari, Sabah 14 hari?

Encik Marsidi Katong: Ya, ini cadangan Dato' Seri...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam mana itu?

Encik Marsidi Katong: Mungkin pilihan raya umum, mungkin diseragamkan *doesn't mean have to be 21 days, maybe* kalau semenanjung *nine days*, mungkin kita *another two or three days*, kan? Saya mencadangkan nanti pihak jawatankuasa yang akan adjust...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dari segi praktiknya itu, macam mana itu? Kalau di semenanjung dah habis keputusan, dah tahu menang kalah semua, Sabah belum mengundi lagi? Bagaimana itu?

Encik Marsidi Katong: Makanya terserah kepada tuan-tuan, kalau Tuan Pengerusi rasa tidak rasional, buat lapan hari jadilah, yang penting tuan-tuan, dalam kehidupan ini kita mesti ada *win-win situation*, jangan hendak menang sendiri sahaja. Kalau kita rasa kita

benar, we are not – saya hendak tegaskan di sini, *we are not angel*, kita bukan malaikat, *nobody perfect*, tidak ada orang yang sempurna di dalam hidup ini, siapa pun dia.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Terima kasih saudara Marsidi.

Encik Marsidi Katong: Jadi sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tuan-tuan, Tuan Pengerusi dan semua jawatankuasa. Sebelum balik Semenanjung nanti, mungkin esok atau lusa, belanja-belanjalah dekat Sabah ini, supaya kita dapat *income* yang banyak untuk bantu masyarakat, terima kasih atas peluang yang diberi, Assalamualaikum.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sedikit saudara Marsidi, Tuan Pengerusi. Cadangan yang terakhir, perbezaan tempoh berkempen di Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung. Kalau ikut pandangan Tuan Pengerusi tadi, bagaimana orang ini dah mengundi, orang ini ada lagi dua hari, tapi alternatif lain, penamaan calon diawalkan di Sabah dan Sarawak. Ertinya kita dapat satu set penamaan tiga hari awal kemudian diikuti oleh penamaan di Semenanjung, hari mengundi sama, begitu ya kemungkinan cadangannya.

Encik Marsidi Katong: Pandangan Yang Berhormat boleh diterima pakai.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey terima kasih. Seorang individu Encik Ng Chak Ngoon.

[Saksi individu Encik Ng Chak Ngoon mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, selamat datang Encik Ng, sudah tentu Encik Ng telah mendengar tadi.

11.38 pagi.

Encik Ng Chak Ngoon: Nama saya Ng, dari Selangor tetapi sedang bercuti di Sabah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Encik Ng sudah mendengar tadi *while sitting there*. Jadi kita minta Encik Ng jangan *repeat*.

Encik Ng Chak Ngoon: Ya, okey. Saya minta maaf, saya hendak bercakap dalam bahasa Inggeris, bolehkah?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Can, no problem.*

Encik Ng Chak Ngoon: *I want to come here to talk about two points, two expect of election process because I'm a pensioner or I'm a retired person, I have a lot time - yes I'm 60 over, and I have a lot time to study the election system and I find there are some very troubling expect of it, and I like to bring this out. A first one concern is the postal voting system with has been crash to.... And you all know about it. But I would like go through just a few points which I think that should be repeat, just it not to highlight them. Another first*

point is this, if you were a candidate in a election and you are given postal voters list, you are not. So, you do not know who you are postal voters are and you may not even know the numbers because is not return to you, is not given to you, you have 2331 voters, you are just given the numbers set to you but not in writing. Then, to the last do it the voters suppose to receive postal vote ballot and on election days, these postal vote come in batch by batch and then your counting start, and then when you seem to be winning.

None of the cases opposing to the winning and you have oh. Someone postal voters coming in, vote coming in, and this is one of the reason why... Sibu I believe the whole election process at be drag on an on until what eleven o'clock before then result can be announce. So, this system of postal voting seem be very badly organize. So, I would propose few things. First for all, when this vote, ballot vote papers go out being distance to different army papers, there must be a proper accounting system, that numbers of vote going out must be sign, but if you look at the form, that... available or..., last election.

Maybe SPR said now their revise the form, just no prevision for any signature by a representative of the candidate themselves the how can you said how many ballot form have gone out. So, I think that is a first point that SPR would....

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Mr Ng, may I just mention to you, postal voters now, as they go out, they are counted because they will be a representatives of the party will be there...

Encik Ng Chak Ngoon: I mean, now is being adres....

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: No, no, no. that is position you may not be aware.

Encik Ng Chak Ngoon: I'm not aware.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Assuming for the second there's 700 postal vote, as the vote are counted out, individually that will be representative of the parties contesting the election will be there. So, they mention the name just like any other...

Encik Ng Chak Ngoon: I'm glad that this particular point is been taking care of, can I go to next one?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, siri nombor satu, numbers sekian-sekian, dia punya I mean numbers whatever it is, so the agent will be there looking at the thing and thiek okey one, two, one and then the next one, the next one and then their put in an envelope and then place all...

Encik Ng Chak Ngoon: Yeah, I'm aware of that.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Eventually then dispatch by post.

Encik Ng Chak Ngoon: That very good, I'm glad that been taken care off.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *But you are now concern about when the vote come back.*

Encik Ng Chak Ngoon: *That's right.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Okey you go on to them, please.*

Encik Ng Chak Ngoon: *So when the votes come back, then they come seen come back in batches, now and a lot this places, your army camp are in the city or – just take Kuala Lumpur , Wardieburn Camp, is right in the middle in the city, then voting index just like any other voting area district. So why must this vote come in so late? Why don't they come it at same time and then cut of date, they don't want the counting start and say "Oh, we have some more posting vote come again". So this is something that the SPR can really looking to and see how you can do that and because of the suspicion by a lot of people not including me, I'm cautious the SPR very clean about this, what a lot of people outside there looking at the system, said, look this is open to manipulation, and that is how to vote are being come again after the counting result all the league out the opposite oh, we need some more postal vote come again.*

Now they must be cut of time. I think this is something that SPR should looking to. I think I have covered most of the points, that I want to cover and other has been covers by other to come out.

So, I want to go on the next thing and this is disputation of constituency sizes. Now, I want to show you this chart, maybe the camera can zoom so that everybody out there can also see this. Now you see here what I done is plot out of the sizes of the constituency, according to the numbers of the registered voters. On this side, the smallest one here is Putrajaya, which 6608 voters registered and the other is Kapar 112,244 registered voters. Now, if you compares numbers of voters of Kapar with debt of Putrajaya, you have at least 17 times, that mean for every voter you have in Putrajaya, you have 17 voters in Kapar.

What is among us do is this, if we.... breakdown Kapar in the constituency sizes of Putrajaya, you would have 17 MP's from Kapar instead of just one. Now you can said that is extreme places.

Okey find, but look at this chart again, look at the slope, it goes up now and then you look at other thing I like to point out to you now. Now I think the camera should zoom in to this, so the people can understand this.

■1145

Okay, can you all see it? [Merujuk kepada dokumen yang dipegang] Now, the thing is this, you see the blue one represent those constituency won by Barisan Nasional, They are the blue, all these away here and then the red one other one, won by the opposition. Now, what does it told you? The Barisan constituencies are very small and the opposition

areas are very big in term of electors or voters. So, what is happening here? It is not by chance that people in areas or big constituency like the opposition and those people in small constituency like Barisan Nasional. I would think that the design here, the design by SPR subdivide all those Barisan Nasional areas which is – where Barisan Nasional is strong it is a smaller constituency so, they get bigger number.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Mr. Encik Ng Chak Ngoon: .*

Encik Encik Ng Chak Ngoon: *Yes.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Can I just ask you one point? You has used one criteria that is the number of voters.*

Encik Ng Chak Ngoon: *Yes.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *If you have done the analyst, I am sure you have. By the physical size of the constituency, can we...*

Encik Ng Chak Ngoon: *Oh! Yes, I will come to that, let me continue...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *The physical size of constituency...*

Encik Ng Chak Ngoon: *Can we limit your question to the end because I am only given a few minutes to sit here.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *Yes, thank you.*

Cadangan kami yang kelima ialah undi pos. Undi pos ini, tiga perkara ini kami mahu ambil sedikit masa kerana ini berlaku di kawasan Parlimen Pensiangan dan juga di DUN Sook. Untuk undi pos ini, kami mencadangkan supaya apabila sahaja selepas tamat mengundi, semua orang yang mengundi pos ini, kira di situ juga. Persoalannya yang banyak tadi ialah mungkin boleh mempengaruhi. Akan tetapi saya fikir demi untuk supaya lebih jelas, itu saya fikir boleh mempengaruhi terlalu kecil. Bayangkan sahaja di tempat

kami, di pedalaman sana pukul 12 sudah tutup. Semua orang lain sudah tahu. Saya fikir orang tidak akan terpengaruh dengan itu kerana itu satu jumlah, satu peratus yang terlalu kecil tetapi kalau tidak dibuka dan dikira pada waktu itu, itu akan jadi satu masalah besar.

Saya beri satu contoh. Contoh ini adalah pada pilihan raya yang lalu. Kalau bukan yang lalu tetapi sebelum ini. Bayangkanlah undi pos, sepatutnya dia dahulu sampai, lebih dahulu dikira kerana dia lebih dahulu mengundi. Akan tetapi apa yang berlaku di Parlimen Pensiangan undi pos ini yang paling lambat sampai dan merupakan undi pos yang terakhir untuk dikira. Pada waktu itu Tuan Pengerusi, itu menjadi penentu kemenangan pada waktu itu.

So, di sini itu masalah. Kita melihat masalah itu kerana patutnya undi pos ini dahulu. Patutnya dia yang *first* kena kira. Kenapa dia kena kira *last*?

Tuan Pengerusi: Barangkali supaya hati berdebar-debar.

Encik Ronnie Rusikan: Ya mungkin tetapi juga mungkin sebaliknya Tuan Pengerusi. Mungkin ada sebaliknya kenapa dia *last* baru sampai. Oleh itu, kami mencadangkan supaya selepas undi, ikut prosedur biasa. Selepas mengundi, selepas habis mengundi, okey tutup undi. Kemudian bukalah kira. Kalau macam apa yang di beritahu orang tadi di dalam hutan sana macam mana mahu mengundi. Mereka pasti keluar. Takkan mereka mengundi di sana. Saya fikir itu satu cadangan, mungkin satu fikiran yang kalau di sana.

Okey, untuk yang keenam mengenai dengan kertas undi Tuan Pengerusi. Kami mencadangkan supaya kertas undi ini tidak ada *serial number*. Ini sangat mengancam kalau di luar bandar. Kenapa saya kata mengancam, orang akan berkempen begini Tuan Pengerusi. Ini kerana apabila ada *serial number* dalam kertas undi ini, ini tidak rahsia. Siapa bilang rahsia kita punya undi. Kita boleh buktikan bahawa tidak rahsia kalau pada satu jumlah yang sedikit. Ini kerana begini Tuan Pengerusi kalau umpamanya saya pengundi pertama. Sudah pastinya undi saya adalah 001 dan kalau saudara saya ini pengundi kedua, *serial number* 002. Apabila pengiraan undi dibuat, SPR akan cakap begini keputusan undi *serial number* di sini. Kalau 001, itu bererti saya. Kalau 002 itu bererti saudara saya yang mengundi. Jadi, di situ ...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi selepas itu susah mahu tahu itu. Banyak sudah mahu ingat.

Encik Ronnie Rusikan: No, Tuan Pengerusi senang.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Kalau ada cadangan mengatakan digunakan *at random* maknanya dia koyak, dia ambil daripada bawah. Dia tidak kisah mengikut peraturannya, macam mana?

Tuan Pengerusi: So, tadi ada cadangan.

Encik Ronnie Rusikan: Akan tetapi sama juga. Sama juga boleh dikesan. Sama juga boleh dikesan sebab *serial number*.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Macam mana hendak dikesan?

Encik Ronnie Rusikan: Sama juga boleh dikesan sebab *serial number*.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Yalah. Satu buku 50 kertas undi. Seorang masuk, dia koyak daripada dalam nombor 17. Dia mana tahu dia koyak nombor 17, dia beri. Seorang lagi datang, dia beri nombor satu, seorang lagi datang dia beri nombor 49. Macam itu.

Encik Ronnie Rusikan: Akan tetapi selalunya Tuan Pengerusi ialah ini yang berlaku. Jadi, ancaman ini begini datangnya daripada orang kampung. Kalau kamu mengundi ini, bantuan kamu kena tarik dan sebaliknya, sebab undi kamu boleh tahu. So, ini satu perkara yang serius kalau di kampung. Mungkin di bandar tidak serius tetapi kalau di kampung cukup serius. Kalau 200 pengundi sahaja, siapa bilang tidak boleh dikesan. Oleh itu, mungkin ada satu mekanisme. Kalau tadi Yang Berhormat Timbalan Pengerusi berkata bahawa cabut dari bawah. Mungkin itu salah satu teknik. Kalau itu teknik, boleh pakai, kita terima. Isu yang penting ialah kita tidak mahu *serial number* ini ia turutan.

Tuan Pengerusi: Okey, setuju.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Nanti sekejap, nanti sekejap, kita tanya SPR kenapa perlu adakan *serial number* itu supaya SRP jawab.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak ada *serial number*, undi asing masuk.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Kenapa perlu adakan *serial number*? Dia mesti ada sebabnya. Minta SPR jawab.

Encik Ronnie Rusikan: Okey, sekejap dahulu. Saya bagi pandangan dahulu sebelum SPR.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan SPR jelaskan kenapa ada *serial number*.

Dato' Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, kenapa kita adakan *serial number* itu maksudnya ini ada kaitan dengan borang 13 penyata keluar masuk kertas undi. Maknanya katakan keluar itu, satu buku 50. Katakan kita keluarkan 220. Jadi, *serial number* itu kita keluarkan mengikut *serial number*. Jadi, dengan yang demikian ia borang 13 itu akan *tally* atau pun sama borang 14 esok. Kalau borang 14 penyata keputusan awal itu tidak *tally* atau pun meragukan kita *follow back* daripada borang 13. Borang 13 itu menyatakan benar-benar butir-butir terperinci berapa jumlah kertas undi yang dikeluarkan dan ia juga menyatakan *serial number*. Jadi, maknanya untuk memastikan benda itu sah sahaja Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey saudara ...

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, sekejap sebab *point* ini sangat penting. Kalau itu alasannya sebab kita hendak tengok nombor *serial* di *counter point* sahaja, untuk pastikan nombor dikeluarkan berapa. Katakan tadi 220 keluar. Kita tengoklah 001 hingga 220. Jadi, 221 itu masih ada. Kalau begitu *argumentnya*, untuk satu cara kita hanya adakan nombor siri di *counter points*. Apabila kertas undi itu dikeluarkan, kertas undi itu tidak ada. Kita tidak perlu nombor siri itu dalam kertas undi. Itu yang menjadi persoalan kepada kebanyakan pengundi. Takut undi itu ada nombor siri. Jadi, saya faham ada keperluan untuk kita rekod berapa sudah keluar dan sebagainya. Jadi, nombor siri hanya kita letak di *counter point* sahaja. Boleh tidak macam itu?

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, sebelum di jawab nanti kertas undi yang sama miripnya ...

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, itu tidak menjadi masalah sebab kita akan kira sudah keluar berapa. Kita akan tengok dalam tong itu. Kalau sudah lebih maka kita ada keraguan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi tidak tahu mana - *Which one* yang tambahan itu.

Encik Ronnie Rusikan: Tuan Pengerusi, saya ingat kita boleh letak *serial number*. Kalau kertas undi itu begini, mungkin di luar, di kulit buku itu boleh taruk *serial number*.

Tuan Loke Siew Fook: Itu *counter point*. Maksudnya *counter point*. Apabila keluarkan undi itu, undi itu tidak ada nombor siri.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Lagipun apabila kita hendak keluarkan kertas itu, kita tindikkan dia. Bermakna kalau kertas undi dijumpai palsu, dia tidak ada tindikkan. Ini yang saya hendak tanya SPR sebab kita ada banyak sekuriti. Satu daripadanya kita letak nombor tadilah. Sekarang ini dicadangkan oleh jawatankuasa ini mengatakan *counter point* itu sahaja ada siri nombor. Kertas membuang undi itu tidak payah tetapi bila ditindik ia berlubang. Jadi, *that is security mark already*. Jadi, bermakna kertas di luar tidak akan boleh masuk.

Tuan Pengerusi: Kita ...

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kita boleh bincanglah selepas ini.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Tuan Loke Siew Fook: Tolong minta.

Tuan Pengerusi: Nanti kita bincang dalam jawatankuasa.

Encik Ronnie Rusikan: Yang terakhir ialah dari kami ialah tentang jumlah cetakan kertas undi. Ini berlaku pada tahun 1994. Kami tahu, saya tahu ada satu kawasan mempunyai cetakan jumlah undi yang terlalu banyak lebih daripada jumlah undi sebenarnya. Kami mencadangkan kepada SPR supaya kalau satu kawasan itu punya jumlah pengundi 12,000, catat 12,000. Kalau mahu beri lebih, beri lebih 1% sahaja. Jadi bererti kalau

12,000, bererti 120 lebihnya. Bererti 12,120 kertas undi. So, kalau itu mungkin disebabkan oleh masalah dan masalah teknikal dan sebagainya. Ini kita ketahui pada tahun 1994. Satu kawasan mempunyai cetakan undi yang terlalu banyak. Buat apa cetak undi ini terlalu banyak sedangkan SPR tahu jumlah kawasan ini begini banyak, begini pengundi. Persoalannya ialah kertas undi ini disimpan di balai dan mungkin dengan izin Tuan Pengerusi setiap satu jam pihak polis minta berapa sudah keluar kertas undi.

Patutkah pihak polis mahu tahu satu jam keluar kertas undi. Bukankah hanya PA *President Officer* dan *returning officer* yang boleh berbincang dalam konteks ini. Jadi, kami ingin mencadangkan supaya kalau macam Sook ini 12,000 mesti keluar 12,000. Kalau mahu lebih 1%. Jangan sampai lebih 500, 1,000 kerana ini sangat mencurigakan.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad: Kenapa perlu lebih? Tidak ada dalam dunia mana pun kalau ada 7,000 pengundi, 7,000 akan keluar. Tidak ada. *Just 7,000, 7,000 sahaja. Not even one more.*

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, mungkin SPR boleh cakap. Apakah praktis sekarang. Biasanya cetak berapa untuk satu-satu kawasan?

■ 1400

Dato' Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, sebenarnya kita mengikut jumlah pemilih di setiap bahagian pilihan raya itu tetapi kalau ada tambahan itu mungkin tidak banyaklah sebab kita *standby* takut kalau ada kerosakan tetapi tidaklah banyak sebenarnya.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi sebenarnya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kangar kalau kita ikut nombor jumlah yang sebenarnya, itu sudah mencukupi sebab tidak mungkin ada 100%, tidak pernah ada satu kawasan ada 100% keluar mengundi. Kalau kita cukup-cukup apabila katakanlah ada 70,200 orang pengundi, kita cetak sahaja 70,200. Kalau ada silap pun mungkin kita boleh *cover* dengan itu.

Tuan Pengerusi: *So one percent extra* misalnya di tempat saya ada kes 99, dia ambil dan dia nampak ada titik di situ. Dia beritahu *officer*, saya tidak mahu ini. Ada titik di sini dan dia minta ganti.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi sedikit sahaja *one percent*, tetapi adakah saudara ada bukti atau ada pengalaman bahawa memang banyak lebih?

Encik Ronnie Rusikan: Ya betul Tuan Pengerusi. Saya cakap ini berdasarkan fakta.

Tuan Loke Siew Fook: Dekat mana?

Encik Ronnie Rusikan: Dengan izin Tuan Pengerusi Kemabong.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Bolehkah beri bukti-bukti kepada Jawatankuasa ini supaya boleh

Encik Ronnie Rusikan: Ini 1994, waktu zaman PBS.

Tuan Pengerusi: 16 tahun sudah.

Encik Ronnie Rusikan: Akan tetapi kemungkinan boleh berlaku pada masa-masa yang akan datang. So, kita tidak mahu. Sebetulnya dalam proses penambahbaikan ini kita mencadangkan supaya ada satu sistem atau mekanisme catat perkara itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Ronnie Rusikan: Jadi apa yang kami sampaikan Tuan Pengerusi sampai di situ. Terima kasih banyak atas apa yang kami sudah sampaikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap. Kita hari ini yang di luar pun lapar, kita yang di dalam pun lapar tetapi ada satu soalan yang agak yang saya ingin hendak tanya daripada rakan-rakan dari SUPP ini. Katanya mungkin bersetuju dengan *automatic registration* seandainya daftar pemilih itu dibersihkan. Katakanlah bulan depan SPR kata daftar pemilih ini bersih, bagaimana agaknya orang-orang SUPP mahu daftar automatik ini diteruskan?

Encik Ronnie Rusikan: Tuan Pengerusi, dalam konteks pembersihan ini kita mungkin tidak fikir hari esok tetapi mungkin kita fikir lebih panjang masa akan datang sebab sistem yang kita buat ini saya fikir tidak tertumpu kepada PRU-13 sahaja, mungkin tetapi kalau boleh buat sesuatu sebelum PRU-13, itu yang terbaik tetapi kalau tidak pun kita mengharapkan pada masa PRU-14 dan seterusnya supaya pada waktu itu sudah ada satu sistem yang cukup bagus, tidak ada pengundi hantu dan tidak ada pengundi-pengundi yang tidak patut mengundi mahu mengundi. Itu menurut pandangan kami. Kalau ada yang bagus itu lebih baik.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sebenarnya saya hendak bertanya macam mana hendak dibersihkan itu. Itu yang minta cadangan daripada rakan-rakan di SUK hendak bersihkan macam mana kerana ada kawan-kawan kita yang lain minta RCI atau *Royal Commission of Investigation* ada yang minta supaya didaftarkan semula. Kalau itu baru bersih, jadi orang di SUK mahu bagaimana?

Encik Ronnie Rusikan: Kami bersetuju dengan RCI itu, sangat bersetuju.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih kerana hadir dari jauh dan atas input itu semua saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Okey Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan untuk makan tengah hari atau makan petang dan kita akan balik sini berbincang dengan tugas kerja seterusnya iaitu perjumpaan Jawatankuasa Kecil. Pukul 3, ada yang hendak berdoa lagi, pukul 2.45 atau 45 minit. Okey terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.04 petang.

Mesyuarat disambung pada pukul 2.45 ptg.

■1445

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas dan wakil-wakil semua kementerian dan jabatan, ada satu pasukan lagi yang memohon untuk didengar, tetapi nama-nama saya belum dapat. Saya minta pihak Jawatankuasa, sekretariat.

Tadi sudah sain bukan? Sudah ambil semua?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Ini semasa buat pendaftaran.

Tuan Pengerusi: Tadi?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Sudah. Tiga-tiga sudah buat pendaftaran.

Tuan Pengerusi: Okey, nama pun tidak ada dengan saya. You boleh perkenalkan diri satu persatu, *may be* sedikit latar belakang. *All of you want to speak or one only?*

Puan Marieta Adang anak Mujah: *The three of us because we are individual.*

Tuan Pengerusi: *Okay, we give you five minutes each.*

Puan Marieta Adang anak Mujah: Saya Puan Marieta Adang, suri rumah dari Sarawak.

Tuan Pengerusi: Dari Sarawak juga?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Ya. Dalam masalah kami di Sarawak..

Tuan Pengerusi: Tunggu dulu. Kasi kenal dahulu nama satu persatu.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Pengurusan mewakili wanita untuk mengikuti kursus

Tuan Pengerusi: Nama?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Nama saya Puan Marieta Adang.

Tuan Pengerusi: Nama bapa?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Marieta Adang anak Mujah.

Tuan Pengerusi: Okey puan, sila. Saya beri lima minit.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Masalah saya dalam – katakan apa masalah saya ya?

Tuan Pengerusi: Ya, apa yang ingin dikatakan dan apa cadangan yang ingin dibawa kepada Jawatankuasa ini.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Masalah kami dalam pilihan raya di Sarawak sebab banyak rasuah. Orang kampung diberi duit. Kalau menyokong Barisan Nasional, orang kampung diberi duit. Kalau tidak diberi duit tidak turun mengundi. Itu masalahnya.

Tuan Pengerusi: Ertinya orang kampung minta duit?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Tidak minta pun diberi pun dia mahu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau diberi tidak turun juga?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Kalau tidak diberi, tidak mahu turun. Kalau tidak, pembangkang.

Tuan Pengerusi: Rakyat yang minta duit baru turun?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Sebelum pilihan raya, orang Barisan Nasional membeli babi, membeli parti dahulu. Kalau semua menyunting Barisan Nasional mesti turun.

Tuan Pengerusi: Selepas makan?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Makan babi, makan ayam.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Jadi sudah makan mesti turun?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Ya.

Tuan Pengerusi: Kalau tidak turun?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Kalau tidak turun maknanya tidak turun mengundi.

Tuan Pengerusi: Bebas sama ada hendak turun ataupun tidak?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Cuma pembangkang dia tidak ikut dalam parti. Dia turun cuma undi pembangkang sahaja. Semua yang mengikut parti yang makan ayam dan babi itu semua turun mengundi Barisan Nasional. Yang tidak makan, tidak.

Tuan Pengerusi: Tetapi dia turun juga mengundi ataupun tidak turun mengundi kalau tidak makan.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Kalau tidak makan itu orang pembangkang.

Tuan Pengerusi: Jadi tidak turun mengundi?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Kalau dia mahu mengundi pembangkang, dia turun. Itu masalah kami di sana. Kadang-kadang kalau sudah malam orang itu hantar duit pergi ke kampung-kampung beri duit itu.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadi itu bagus atau tidak?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Tidak tahu. Orang mempertikaikan betul atau tidak.

Tuan Pengerusi: Okey, apa cadangan puan? Ada cadangan untuk mengatasi ini?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Ada masalah lagi. Semua orang kampung yang tidak ada kerja, semua diambil menjadi RELA.

Tuan Pengerusi: Itu pasukan RELA yang pakai baju hijau itu.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Semua RELA itu mesti mengundi Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Akan tetapi undi itu sulit. Tidak ada siapa yang tahu siapa yang kita undi.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Orang kampung pandai lagi. Satu lagi masalah ialah sekarang mereka kumpulkan semua pencen askar. Dahulu askar dalam kem

menunggu, ambil askar dan mengundi guna nombor dahulu. Selepas itu balik ke kampung, askar pencen itu mengundi guna kad yang dia pakai sekarang. Dua kali mengundi.

Tuan Pengerusi: Itu kalau dekat. Kalau jauh dia undi di pekan, dia naik bukit mana boleh sampai kalau jauh.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Tidak. Dia kumpulkan dahulu dan ambil semua askar pencen itu. Dia suruh mengundi dahulu.

Tuan Pengerusi: Di kawasan mana seperti itu?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Ada orang tua di Balai Ringin pencen askar, dia berkumpul. Dia menceritakan diri diambil dari Sibu.

Tuan Pengerusi: Di Sibu?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Dia mengambil mereka pakai undi pos. Selepas itu pergi ke Serian turun lagi mengundi.

Tuan Pengerusi: Dalam satu hari?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Tidak. Dahulu orang suruh dia pergi Sibu, semua pencen askar menggunakan beberapa buah bas.

Tuan Pengerusi: Pakai bas? Dari Sibu sampai Serian, itu jauh.

Puan Marieta Adang anak Mujah: Memang.

Tuan Pengerusi: Okey puan, ada lagi?

Puan Marieta Adang anak Mujah: Lain saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Itu sahaja? Seterusnya Puan Lau Shu Shi.

Cik Lau Shu Shi: *Can June speak first?*

Tuan Pengerusi: Okay, June Rubis. Dengan Patau Rubis ada relationkah?

Cik June Rubis: *Yes, he is my father.*

Tuan Pengerusi: Oh so you anak Patau Rubis.

Cik June Rubis: Nama saya June Rubis dari Tasik Biru, Bau. Saya berasal dari Kuching, Sarawak. Maaf, boleh saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: *Yes, you may.*

Cik June Rubis: *So my name is June Rubis. Actually my constituency is in Kota Sentosa which is city seat in Kuching but I want to speak on my experiences based on observation in rural areas when there is campaigning.*

These are based on my experiences from previous elections. The first case is, I don't want to say his name but the minister was campaigning for his seat and he had brought a police officer. I was working at that time in this recreational park. He had signed the guess book. The police officer and him had signed in and were saying they were there to campaign for the election. For me personally I think that is very wrong because I feel the

police should be adil and should not take side. For him to take the police man won't give the impression to the orang kampung that he is government and no one else is government when really it's an election for people to decide who belongs in government.

My other experience is in Bau for you know already my father used to be in Barisan Nasional but now opposition. At the times when he was campaigning as well, the police was also involved but helping the others. A lot of times intimidating the orang kampung. So I feel that is really unfair and I just want to bring that up. Also I want to talk about access to free media.

Tuan Pengerusi: Media?

Cik June Rubis: *Media. This is based in Sarawak not just the local papers but also the national papers. It's not very fair to all parties. So for people reading it and they don't have access to online media, they get confuse and they think BN means the government. It's just the ruling correlation at this time. So I don't feel the opposition parties have any space or opportunity to like macam balas balik or the accusation made against them. So it is just very one sided and it is very hard to read the newspapers especially during the election campaign. That's all I like to talk about but if you have any question..*

Tuan Pengerusi: *You were saying when the minister and the police officer came into the office. What's the jabatan?*

Cik June Rubis: *They were actually passing by and then they signed the guess book. I actually took a photo but then I lost it because my computer crashed.*

Tuan Pengerusi: *It's okay. What is the jabatan then? A forest you said.*

Cik June Rubis: *This is not forestry but the person was police officer.*

Tuan Pengerusi: *Into the building. Okay. So you would like to say you want to see more independence and that sort of thing.*

Cik June Rubis: *Exactly. I want to see more independence from the police. I am not blaming the police. I think like they always say "mengikut perintah" but I think the politician should not take advantage because you know because I know they are put in hard face book – the police and civil service. When you are told to do something by your top boss, how can you say no otherwise you won't have any promotion or whatever.*

So I would like to see the civil service and the police given more authority to do the jobs they are suppose to do. Thank you.

Tuan Pengerusi: *Okay, Madam Lau Shu Shi.*

Cik Lau Shu Shi: *Yes, I am here.*

Tuan Pengerusi: *Are you from Kuching also?*

Cik Lau Shu Shi: *I was born in Kuching. My whole family is in Miri. My extended family is in Sarawak. So I am a Sarawakian and I studied in USM. Currently work in Kuala Lumpur. So I considered myself as Malaysian.*

Tuan Pengerusi: *Sure. If you are born here in Malaysia, you are Malaysian. Why are you in KK? You got submitting here is it?*

Cik Lau Shu Shi: *I have some programmes here. So happening three Sarawakians meet in Sabah and so happen we are all concern in the process of PSC and we really want to participate because I miss the opportunity to go to the one happened in Parliament and I won't be able to go back to Sarawak..*

Tuan Pengerusi: *On the 8th and 9th?*

Cik Lau Shu Shi: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *Okay. Say you please.*

■1500

Cik Lau Shu Shi: *Ya, see you in the time. So, before I proceed with my own agenda, actually like to help mak cik ini untuk buat kesimpulan. Jadi saya akan buat kesimpulan ini dalam bahasa Malaysia. Because tak berapa pasti adakah pihak tuan dan puan faham cerita yang mak cik telah beritahu tadi. Bila makan tengah hari, dia beritahu saya cerita ini dan saya rasa ini agak seriuslah. Akan tetapi saya tidak faham kenapa tuan dan puan semasa dalam proses *Parliamentarian Select Committee* ini boleh ketawa bila dengar cerita mak cik ini kerana bagi saya ini perkara yang amat seriuslah. Pertamanya ialah *vote buying*.*

Apa yang berlaku, mak cik telah beritahu BN telah beli makanan dan parti di kampung tersebut dan ini sebenarnya rasuah. *Okay, it is very serious.* Perkara kedua dia katakan adalah *postal vote* di mana askar telah mengundi untuk dua kali. *I am sure you know because just now you also asked the questions.* Bagaimana kamu tahu, mak cik itu jawab, orang kampung lebih pandai. *So I will aspect the PSC will be able to really conduct investigations into this issued. If the orang kampung managed to do it, I believe PSC manage to do it.*

*The third thing that mak cik telah bercakap adalah berkenaan dengan RELA. RELA adalah satu institusi awam di mana tidak patut berpihak kepada mana-mana parti. Akan tetapi mak cik telah sendiri cakap ramai orang telah direkrut dalam RELA dan RELA ini semua *vote* kepada BN. Saya rasa di sini pun ada satu masalah yang sangat serius. Saya harap tuan dan puan mengambil berat apa yang mak cik ini telah ceritakan.*

Selepas kesimpulan untuk mak cik, saya akan *proceed my own story.* *Just now I already mentioned my back ground. Actually I am a Sarawakian. And then currently I worked in KL. And to go back to vote, actually is really coasting for me. The last election in*

the Sarawak elections, I go back and vote and that could took one quarter of my salary. Sudahlah harga barang naikkan, gaji tidak naik. This is really expensive for voters to get back and vote. And I will really like to suggest and actually I think the Setiausaha out there is already photostat my proposal. Actually I print the proposal, the whole proposal. This is not complete. The proposal is available online. You can go to Bersih website to get it.

I really attract to the idea of those who stay 250 kilometer away. They are entitled to ascender voters. I think if I may simply to spend one quarter of my salary I would not be able to imagine how much the orang kampung need to spend? Especially I know that a lot of Sarawakian actually works in Kedah, Bagan Kedah di mana di sana ada banyak kilang. So a lot of Sarawakian and Sabahan actually work in Peninsular. They would not be able to pay so much. And actually I really like to Photostat or print out the whole copy of Bersih suggestions which I think you all are already have and please consider. Thank you.

Tuan Pengerusi: *Okay, Ambiga Group. Datuk Ambiga. We have heard them already in Parliament and they give us the document. We already receiving those and studying. Okay, Ahli-ahli Yang Berhormat. You want to ask any? Ada apa-apa? Okay, tidak ada. Terima kasih banyak-banyak.*

Cik Lau Shu Shi: *I got one more question. Just now when I came in the registration, she told me the hearing is already finished.*

Tuan Pengerusi: *Okay, because earlier at 2.30. There was no more outside. No more, so we adjourn for lunch. We haven't had lunch since morning. So we had announcing closed but I re-open because there was no more everybody outside.*

Cik Lau Shu Shi: *Actually I like to make some request and I think is important for the public to know what time to what time actually we should came in because I actually sending my e-mail and make a reserve or an appointment. I get reply but I never heard from him after that. If I not come early, then meaning my appointment gone lah without any notice.*

Tuan Pengerusi: *Okay, I will check whether when your e-mail came in.*

Cik Lau Shu Shi: *Ya, and I really like to make the recommendation or the places take the PSC go need to have very clear timetable. And you cannot just close because there is no one out side. You need to have some one to still stand-by and manage to get pihak tuan dan puan...*

Tuan Pengerusi: *We are not going to close because we are going to have committee meeting here until petang. That is why we not.*

Cik Lau Shu Shi: *So the process will be end at 5.00 exactly, right?*

Tuan Pengerusi: *Yes, ask per advertise in the papers.*

Cik Lau Shu Shi: *Yes, I hope that the information also available online because actually we don't really have what time to what time. And if you want to close early, you need to let the public know also.*

Tuan Pengerusi: *Yes, you see website in Parliament? Parliament website. The whole jadual. What time is close itself.*

Cik Lau Shu Shi: Ya.

Tuan Pengerusi: *We are not going to close the office because no more person to be heard. So we are going to continue with our normal Jawatankuasa.*

Cik Lau Shu Shi: *Yes, I think when there is nothing no one here, pihak tuan-tuan dan puan-puan boleh buat apa sahajalah dalam bangunan ini. But when someone come and really thanks to everyone because when I out there, you all came in to listen to us. I hope and I feel quite lucky because we suddenly we decided to come one hour early. So if we come one hour late, may be we won't even have the opportunity. And I...*

Tuan Pengerusi: *We still here until five.*

Cik Lau Shu Shi: *Okay. Thank you.*

Tuan Pengerusi: *Okay, thank you very much. Kami adakan mesyuarat sekarang. So, puan terima kasih atas kesudian hadir dari jauh. Tadi pun ada juga orang Sarawak yang datang.*

Sambil kita tunggu mana tahu ada lagi yang datang masuk. Okey, kita ada mesyuarat juga untuk ke mesyuarat bersama, mana dokumen saya? Sekadar saya ingin buat *review*, mengenai dengan persiapan. Nombor satu seperti mana yang telah kita bincang semalam itu dan selepas itu kita *adjourn* kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil. Jawatankuasa ini bercadang untuk membentangkan laporan interim pada 1 hari bulan iaitu hari terakhir persidangan Parlimen bagi penggal yang sekarang ini.

Kertas makluman kepada Dewan hendaklah di atas meja pada 29 hari bulan iaitu pada hari Selasa. So, untuk persiapan-persiapan, semalam kita telah beri *guidelines* termasuklah isi kandungan yang kita hendak lihat ini. Apa yang diperlukan seperti mana Jawatankuasa Kecil berbincang semalam ialah setiap Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan mengikut terma rujukan kepala-kepala tertentu, hendaklah satunya menyenaraikan cadangan-cadangan daripada jawatankuasa ini daripada hari kedua di mana yang kami telah memberikan pandangan-pandangan mengenai dengan penambahbaikan sampailah kepada pendengaran awam hari ini. Okey, *so first is to* senaraikan mengikut kepala-kepala tertentu. Pihak Parlimen harus boleh membantu mengikut hansard dan sesiapa catatan mencatat, okey sudah kena kasi semua termasuklah...

Seorang Ahli: Semalam kita telah adakan mesyuarat jawatankuasa kecil..

Tuan Pengerusi: Ya.

Seorang Ahli: Boleh atau tidak kita minta supaya sekretariat bagikan kita nota cadangan, nota yang telah dicatatkan semalam.

Tuan Pengerusi: Itulah saya mahu memperingatkan sebab saya difahamkan oleh Datuk Roosmee bahawa ada yang belum buat, belum siap. So, ini sudah diagihkan semalam, di dalam perbincangan. Oleh sebab itu seksyen itu penting. So, saya hendak tanya setiausaha-setiausaha bagi setiap jawatankuasa kecil itu, apakah sudah siap? Mulai dengan Perundangan.

Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha SPR]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk Perundangan, 90% siap. Semua sekali *text* untuk *final*. *Now*, 90% siap.

Tuan Pengerusi: 90% siap? So, petang ini, malam ini boleh?

Encik Encik Harun Che Su Che Su: Satu jam, dua jam lagi mesti siap.

Tuan Pengerusi: Okey. Ini di bawah Yang Berhormat Kangar dan... [Disampuk]

Datuk Roosme binti Hamzah: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okey, seperti perbincangan semalam, dari segi jawatankuasa kecil, senaraikan sahaja apa-apa cadangan yang telah dibangkitkan, boleh? So, kalau lima, kalau 10kah, 20kah, senaraikan sahaja. Ulasan pihak jabatan ataupun yang berkaitan dan akhirnya kosongkan itu rumusan jawatankuasa. Sebab itu kami akan buat bersama nanti ataupun akan dibuat oleh pihak Yang Berhormat Pengerusi bagi sesi tersebut.

Senaraikan sahaja dan *once we get that* untuk semua kelima-lima itu dan barulah kita akan kategorikan mereka mengikut kepala-kepala tertentu dalam laporan. Sebelum itu, bagaimana dengan proses pilihan raya. Jawatankuasa Proses Pilihan Raya Kecil, pengerusinya Ahli Yang Berhormat Gombak dan pembantunya ataupun *co-chairman*.

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan: Tuan Pengerusi, pengerusi saya belum pernah memanggil saya untuk pergi mesyuarat mungkin kerana terlalu sibuk.

Tuan Pengerusi: Semalam tidak datang ya?

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan: Semalam pun ada masa sesi Parlimen *but I* sudah keluar. Saya kecewa *because* bila kita diberi tanggungjawab Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya tidak hendak ungkitkan ini tetapi harus ada rekod. Apabila tanggungjawab itu diberi, kita harus melaksanakan tanggungjawab itu.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan: Kalau tidak dapat melaksanakan tanggungjawab itu, jangan ambil tanggungjawab. Awal-awal cakap tidak boleh buat kerana saya kecewa tidak dapat masa untuk mengadakan mesyuarat. Ini kerana ada Pengerusi dilantik. Walau bagaimanapun, dalam masa yang singkat semalam, saya telah berbincang dengan jawatankuasa-jawatankuasa. Ucapkan terima kasih kepada semua pegawai...

Tuan Pengerusi: So, ada sudah?

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan: Sudah, jawatankuasa telah pun mengambil kira semua pendapat lebih kurang 11 ke 12 pendapat dan kita juga telah memberi input dan cadangan-cadangan kita kepada Jawatankuasa ini nanti. Kita dalam proses untuk membetulkan ayat-ayat supaya dapat diterjemahkan dalam penyampaian. Di antara isu-isu yang telah dibangkitkan ialah prospek isu penggunaan dakwat kekal yang mana kita setuju di mana jawatankuasa setuju penggunaan dakwat kekal.

Kita akan membenarkan ataupun seterusnya memberikan tanggungjawab kepada SPR untuk melakukan segala yang patut dalam aspek-aspek pentadbiran, menjaga hal ehwal undang-undang dan kerana ada AG pun sudah beri kelulusan yang sewajarnya. Maka saya rasa sokongan kami terhadap penggunaan dakwat kekal. Baik aspek pengundi tidak hadir, Jawatankuasa juga kita berpendapat bahawa...

Tuan Pengerusi: Okey Yang Berhormat. *You got the piece there. Just hold on.* Okey, saya minta dahulu pihak Jawatankuasa yang lain, *way they are.*

Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: *Go to the list* sebab yang mana *complete* kita minta salinan. Okey, daftar pilih. Siapa punya setiausaha, kami punya setiausaha semalam.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya minta Ahli Yang Berhormat Kuala Krai. Semalam kita...

Tuan Pengerusi: Belum lagi. Daftar pilih dahulu.

Tuan Loke Siew Fook: Daftar pilih, sebab semalam yang jadi sekretariat ialah Setiausaha daripada SPR.

Tuan Pengerusi: Semalam ada pembantu kita..

Tuan Loke Siew Fook: Ada sekretariat sama ada daripada Parlimen or SPR.

[Disampuk]

Encik Harun Che Su: Tuan Pengerusi, sebenarnya ada juga yang tidak dapat sampai pada hari ini pun sebab tiket sudah habis. Semasa itu kita dapat maklumat..

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Harun Che Su: Jadi, tidak ada wakil SPR semalam di Jawatankuasa berkenaan.

Tuan Pengerusi: Ada wakil tetapi...

Encik Harun Che Su: Kita hantar pengganti sahaja. Penggantinya pegawai SUB, setiausaha bahagian sebagai ganti, Encik Shah sebagai pengganti.

Tuan Pengerusi: So semalam kita putuskan itu.

Tuan Loke Siew Fook: Yang kita putuskan semalam. Yang kita hendak semalam sahaja. Apa yang diputuskan semalam.

Tuan Pengerusi: Harusnya bersama dengan pegawai kita dari Parlimen. Kita sudah senaraikan 15 perkara saya telah sentuh. Campur you punya, dekat 17 itu.

■1515

So harus itu semalam sudah mulai buat. Ada pegawai kita semalam – siapa nama itu?

[Berbincang sesama sendiri]

Kami punya yang paling lewat selesai semalam. Semua – saya sendiri pun 13 perkara yang dimasukkan. *I think* Puan Laila semalam ada di sana dan kecuali antara pegawai Parlimen semalam dan SPR tangguh-tangguh. Saya katakan pagi ini harus sudah ada draf.

Seorang Ahli: Catatan semalam pada pegawai Parlimen bernama Encik Tengku yang menggantikan...

[Berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Tengku mana? Semalam itu. Okey. Nanti *I* akan kembali, sebab *anyway I the last one to leave* semalam. Cukup panjang kemi bincangkan dengan Yang Berhormat Rasah. Okey, memperkukuhkan Suruhanjaya. Tan Sri Fong punya *group*. Ini hampir siap.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Hampir siap. Sebenarnya banyak perkara telah dibincangkan dalam mesyuarat pada 21 hari bulan dan semalam kita membincangkan perkara-perkara yang telah dibincangkan dan kita bersetuju dalam urusan penambahbaikan SPR itu sendiri mengambil cadangan perjawatan dan juga skil-skil seperti yang dicadangkan dalam satu kertas yang dibentangkan oleh SPR dalam mesyuarat-mesyuarat awal PAC ini.

Keduanya kita berbincang secara *detail* mengenai pelantikan pengerusi, timbalan dan juga ahli-ahli SPR itu sendiri. Kita dalam komiti semalam membuat keputusan supaya pelantikan ini seperti dalam perlembagaan oleh Yang di-Pertuan Agong, cuma mekanisme bagaimana hendak tiba kepada Yang di-Pertuan Agong itu diperhalusi dan kita mencadangkan supaya kaedah yang dibuat dalam pelantikan hakim-hakim juga kita *adopt*. Akan tetapi tentulah kita tidak menamakan seperti pelantikan hakim itu siapa yang duduk dalam jawatankuasa pelantikan pengerusi SPR dan pelantikan pengerusi dan ahli-ahli ataupun anggota-anggota SPR tersebut. Itu keputusan besar yang kita ambil pada mesyuarat semalam. Lain-lain itu kita perbaiki sedikit sebanyak hasil keputusan mesyuarat yang terawal. Kertasnya saya rasa sudah ada dan boleh didapatkan daripada urus setia.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: SPR itu diberi bajet berasingan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dan juga dari segi tanggungjawabnya dia mesti...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Terus kepada...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terus kepada Parlimen atau terus kepada Yang di-Pertuan Agong?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak melalui Jabatan Perdana Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Tidak melalui jabatan tertentu. Itu...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Boleh. Kita terima itu.

Tuan Pengerusi: Okey. Daripada apa yang dibangkitkan, kalau itu belum lagi dibangkitkan oleh pihak awam dan *no need to put in report yet*, reaksi kepada apa yang dibangkitkan dan dari segi cadangan nanti – *I think* dari segi institusi itu *very straight forward*. Akan tetapi siapa *handle* yang cadangan ia harus di bawah Parlimenkah? Itu di bawah SPR itu bukan?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sekarang ini SPR ditubuhkan satu suruhanjaya berasingan. Dari segi mekanisme *administrative* sahaja sekarang ia dilantik di bawah JPM.

Tuan Pengerusi: Ya JPM.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kita cadang bajetnya diasingkan. Jadi, dari *Ministry of Finance* terus – seperti Parlimen terus disalurkan kepada akaun tertentu yang boleh diperbaiki oleh SPR sahaja. Sekarang ia disalurkan melalui bajet *Prime Minister's Department*.

Seorang Ahli: Okey. Itu pegawai SPR yang...

Tuan Pengerusi: *All right*. Alternatif sistem ini? *I think* nanti kita kembali kepada pihak SPR. *We get a better picture* bila saya...

Encik Mohd Ikram bin Seri@ Rahimi: Tuan Pengerusi, untuk yang kelima ini hari ini memang Yang Berhormat Wangsa Maju tidak datanglah. Akan tetapi semalam kami sempat juga berbincang dengan Yang Berhormat Wangsa Maju dan beliau telah mengemukakan dua cadanganlah. Satu daripada Yang Berhormat Kapit yang disampaikan melalui beliau dan juga semalam beliau sendiri, idea beliau sendiri. Kalau untuk secara ringkasnya, untuk yang Yang Berhormat Kapit ini, beliau membangkitkan tentang apa yang telah disuarakan oleh banyak parti-parti komponen semalamlah...

Tuan Pengerusi: 34%.

Encik Mohd Ikram bin Seri@ Rahimi: Berkenaan dengan 34% kerusi-kerusi negeri Borneo. Juga satu lagi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju berkenaan dengan mencadangkan kaedah pengundian ditukar daripada yang sekarang ini kepada yang *proportional votes*. Itu dua cadangan yang...

Tuan Pengerusi: Tadi pun keluar pagi tadi. Beliau kata *maybe 50% first pass the post, the other 50% proportional*. So itu Jawatankuasa belum buat resolusi tetapi *just* buat

ulasan dahulu, implikasinya. Bila sampai ke kolum ulasan jawatankuasa, kami punya respons mesti dalam pertimbangan. Okey. Kita hendak dengar empat lagi pendengaran awam sebelum kita membuat keputusan dalam perkara-perkara ini. So...

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk memberikan sedikit cadangan. Ini kerana semalam Tuan Pengerusi sudah menggariskan enam perkara yang kita tidak setuju...

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Saya cadangkan ialah bagaimana – saya rasa kalau kita mengikut setiap jawatankuasa kecil, memang tidak sempat untuk kita masukkan ke dalam usul itu...

Tuan Pengerusi: *I know.*

Tuan Loke Siew Fook: Terlalu luas dan ada perkara-perkara fundamental yang perlu dikaji lebih seperti 34% dan sebagainya. *I think that is not the urgent needs that* kita perlu masukkan dalam *interim report*. Kita fokus kepada enam perkara itu. Enam perkara itu mungkin ada banyak dia punya sub-sub itu yang kita fokus kepada itu dan kita boleh masukkan dalam laporan interim. *I think that is good enough* kalau kita dapat buat itu.

Tuan Pengerusi: Okey. Memang begitu pendekatan kita iaitu setiap jawatankuasa, *to be fair* kepada mereka yang telah membangkitkan ini, sekurang-kurangnya diperakui cadangan ini. Apa reaksi kepada jabatan yang berkaitan dari segi perundangan ataupun peraturan yang sedia ada dan respons kepada jawatankuasa adalah mesti dalam pertimbangan. *So that to be about* sampai 20 sebab kalau lima, lima setiap itu – *I think* sudah diperakui cadangan daripada siapa. *Then final section* yang paling penting ini daripada di situ kita tarik enam sahaja yang – *I think* sekurang-kurangnya bahagian sebelah kanan di sini telah pun bersetuju untuk – kalau di sini setuju, maka itu sebagai *recommendation*.

Pertama, dakwat kekal. Dakwat kekal termasuklah nanti bagaimana pelaksanaannya walaupun secara kasar dahulu. Akan tetapi kita mahu rekomen kepada Parlimen penggunaan dakwat kekal. Okey.

Kedua, pengundi awal. Ini bahagian barisan saya telah pun setuju pengundian – *meaning* tidak ada lagi undi pos, undi awal. Di balaikah, di bahagian tenterakah? Seperti mana yang dicadangkan oleh SPR, tetapi *the more detail have to provide*. How awal, berapa awal misalnya. *[Disampuk]* Ya, dalam negara. So...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi, pengundi pos masih ada tetapi hanya di persempadanan sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, okey.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Hanya dihadkan.

Tuan Pengerusi: Ya. So petugas-petugas pengundi awal di kem-kem pengundi awal di mana *open, transparent* seperti mana ada dalam setiap PPU yang lain. So, mekanisme mahu *specify*. Rumusan kita di sini dipersetujui untuk dilaksanakan. Okey.

Ketiga, pengundian luar negeri. Kami di sebelah sini dan saya melihat di sebelah kiri pun setuju untuk *just to* buka *the lap* iaitu selain daripada rakyat Malaysia yang bertugas di institusi kerajaan dan pelajar, membenarkan mereka yang berdaftar sebagai pengundi untuk mengundi. Mekanismenya perlu diperjelaskan. So respons SPR dan mekanismenya, bagi kami sebelah sini *at least* ada *moment* minimum di pusat *High Commission* ataupun CJ-CJ. Ada *their details, we'll have to be work out*.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Memang ada dua perkara. Satu, yang sudah mengundi, sudah dalam daftar pemilih dan akan memohon dia adalah pengundi luar negeri. Yang satu ini ialah baru mahu daftar hari ini dan kami pun belum tahu mekanismenya.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya rasa itu prinsip ialah kita menyokong cadangan bahawa kalau kita duduk di luar negara, diberikan hak untuk menjadi pengundi tidak hadir seperti apa yang kita laksanakan. Kita hanya perluaskan dia punya skop pengundi tidak hadir itu. *So that the principal must come into the...*

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi yang kedua penting ialah sebab banyak cadangan-cadangan ialah daripada Sabah Sarawak yang bekerja di Semenanjung ataupun orang Semenanjung bekerja di Sabah Sarawak, itu perlu dimasukkan dalam...

Tuan Pengerusi: Itu kita belum masuk, tetapi - kami belum bincang sini dengan kami punya pasukan. Akan tetapi, *of course...*

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi secara prinsipnya, kita perlu sokong itu.

Tuan Pengerusi: *I have to – this part confirm with this side because...*

Tuan Loke Siew Fook: Ini kerana kalau kita dalam cadangan ini, katakan *overseas voting* kita setuju tetapi untuk Sabah Sarawak yang bekerja di Semenanjung, kita tidak ada dalam cadangan ini, *I think that's not reasonable...*

Tuan Pengerusi: Okey.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Pengundi-pengundi Malaysian yang di luar negara ini, cadangan kita ialah mereka diberi hak. Akan tetapi cadangan kita juga, mereka yang berada di Singapura, Brunei mesti balik di Malaysia undi. Kalau dia residen Singapura, walaupun dia mengundi di Singapura, kelam kabut sedikit. *That is...*

Tuan Pengerusi: *So you want to make exception?* Pengundi di Sarawak jangan...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *No. That like many countries now in ASEAN, if you are staying resident ASEAN, you have to go back to country to vote. So right*

now our opposition is that for those in Singapore, for those in Brunei, they can come back to vote.

Tuan Pengerusi: Dari segi pekerja dan *students* dibenarkan, Singapura dan Brunei? [*Disampuk*] Pengundi tidak hadir bagi pegawai-pegawai *High Commission* dan...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pengundi tidak hadir di negara berkenaan.

Tuan Pengerusi: Diberi. So Singapura dan itu tidak dikecualikan? Singapura dan Brunei?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau tidak dikecualikan, kita patutnya *maintain*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: *If not then you will...*

Tuan Pengerusi: Singapura dan Brunei pulang, tetapi yang lain boleh. Susah juga.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *What I understand, it is no exception.* Orang yang *student overseas* bermakna di Singapura pun dia *entitle to vote*. Betul tidak?

Seorang Ahli: *That is okay. I mean must book all the mechanics ...embassy.*

Tuan Pengerusi: *Of course.*

Seorang Ahli: *No. There would be 200,000 who work there. So that...*

Tuan Loke Siew Fook: *But we give them a choice. That is not I means those who are living in JB, they can go back to JB. Those who are really far away Sabah Sarawak or in the Penang, give them a choice.*

Tuan Pengerusi: *Sabah and Sarawak do not touch first.* Luar negeri dahulu. *We* kaji, *we* setuju bahawa tidak ada *exception*. Brunei, Sarawak dan Singapura juga diberi sama dengan begitu. Hanya *the mechanics how to do it* penting. Akan tetapi konteks ini adalah mereka yang sudah berdaftar sebagai pengundi. Bukankah? *How to mengundi? they have to apply.* So, *the mechanics* di situ perlu kita masukkan, kalau boleh sebagai *appendix* pun, *at least* Parlimen mempunyai *how will they do it* walaupun rangka itu masih lagi kasar pun tidak mengapa. Kita bilang ini adalah cadangan pertama.

Okey, *next* di bawah kepala yang sama. Sabah Sarawak *voters* di Semenanjung dan mereka yang di Semenanjung di Sabah dan Sarawak yang berada di sini. *I mean* orang Semenanjung. Kita boleh lihat kalau rata-rata orang Sabah memang dia mahu minta ini. Akan tetapi saya belum ada perundingan dengan sebelah kanan di sini mengenai perkara ini. *Then why not...*

Tuan Loke Siew Fook: *The mechanics will be the same* Tuan Pengerusi. *You* boleh katakan kalau dikatakan di KK – mungkin Wisma Persekutuan ataupun Wisma Negeri – *I mean every state* kita ada tempat Pejabat Daerahkah apa...

Tuan Pengerusi: SPR apa pandangan?

Encik Harun bin Che Su: Saya – *if I take a chair as Chairman, I want this.* Saya mahu itu...

Tuan Loke Siew Fook: *Then we support. I mean because the cadangan come from* Yang Berhormat Kapit juga.

Tuan Pengerusi: *Mechanic, how difficult it is?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bagaimana? Adakah susah...

Tuan Pengerusi: Orang Sabah Sarawak Semenanjung mengundi di situ, pohon...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebagai contoh, orang Perlis dia sebagai guru, dia guru duduk di Kapit umpamanya.

■ 1530

Dia hendak balik ke Perlis kerana hendak mengundi susah. Jadi macam mana dia hendak buang undi dia itu di Kapit ataupun dia kena datang ke tempat yang dekat dengan Kapit. Di mana dia di mana bandar yang dekat?

Tuan Pengerusi: *They will have to come to Kuching* kalau di SPR ya.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, sekarang ini mekanisma itu tiada lah. Maknanya kalau dicadangkan esok kita kena *work out*lah mekanisme itu.

Tuan Pengerusi: *Try to reflect* boleh 48 jam ini.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, Tuan Pengerusi saya rasa kalau macam Sarawak kan dia bukan minta *every town* ada *I mean that's unreasonable*lah. Katakan Sarawak ada tiga zon, zon utara dekat Miri, zon tengah Sibul, zon selatan Kuching. *At least then you have expert* tau. Kalau daripada Kapit dia pergi yang paling dekat ialah Sibul. *So, that's reasonable at least.*

Tuan Pengerusi: Sibul, Miri, Kuching.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, Sibul, Miri, Kuching. *I mean you have* tiga zon. Zon utara, zon tengah dan zon selatan untuk Sabah mungkin Kota Kinabalu satu, Tawau satu, Sandakan satu. *The major towns.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam orang Kuala Lumpur balik ke Perlis *standard*lah.

Tuan Loke Siew Fook: *We can go by corridor*lah. *North, south center* is empat see. Macam kita punya *public hearing centre* sini.

Tuan Pengerusi: Macam dia punya Sarawak dia panggil apa division?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Akan tetapi, *division* dia orang sebelas. Banyak. *So we can combine the division. I think* kalau kita hendak buat *it should be* Limbang 4 - Limbang, Miri, Sibul, Kuching. Ini kerana Limbang 4 *sizeable*. Di Limbang pun orang Lawas boleh pergi. Sebab yang banyak ialah bukan orang Semenanjung di Sabah dan Sarawak.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: No.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Was it mentioned by anybody?*

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kena bentang tetapi kita tidak bincang.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ada atau tidak kertas ini? Kita *submission*, ada?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau kita tengok rasanya *specifically* tidak ada.

Tuan Pengerusi: Ada jadual, ada gambar semua itu bukan. *The structure you are talking about* tetapi tidak kena *discuss in detail. We need to spend more time.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Dia bukanlah tidak sebut langsung dalam Jawatankuasa Induk. Bukan dapat melalui Jawatankuasa Kecil sahaja.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jawatankuasa Induk dibentang.

Tuan Pengerusi: Waktu SPR bentangkan itu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Cuma dia tidak sentuh. Yang disentuh adalah beberapa pindaan cara berkempen, poster-poster. Itu ada. Yang ini dia letak sahaja. Dia tidak sebut.

Tuan Pengerusi: Dia ada beri tengok gambar sahajalah. Perubahan-perubahan yang mereka ingin cadangkan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Itu pun tidak ada tetapi saya rasa it is fair kerana dia sudah jadikan dokumen dan dibentangkan diletak di depan kita.

Tuan Pengerusi: Bagi saya, dia perlu dalam total punya struktur. Satu, di mana ia diletakkan. Soal.... semuanya and then soal *revised terms of reference or whatever*. Then tenaga dan struktur yang boleh menyokong dengan itu.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *It will come in the final report.*

Tuan Pengerusi: *I think we need one session in Committee ini just to focus on the organisation. Then kita angkat dia sebagai satu badan daripada atas sampai ke bawah.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat, kita kena ingat kalau kita hendak ubah ini semua ia memerlukan pindaan kepada akta itu. Dia bukan pindaan kepada peraturan. Dia ada akta. Akta Election Commission 1958 kalau tidak silap saya.

Tuan Pengerusi: Itu belum lagi sentuh akta.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akta 1957. Ya, dia memerlukan akta.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi saya rasa mana yang boleh masuk Yang Berhormat Kuala Krai, mana yang boleh masuk tetapi komen kita masih dalam pertimbanganlah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sebagai contoh Tuan Pengerusi, kalau boleh dipertimbangkan. Dalam Pengerusi SPR ini mesti orang yang mendapat keyakinan contohnya. Itu dalam Perlembagaan atau dalam akta? Jadi *statement* itu sudah ada. Apa yang kita hendak mendapat keyakinan ini ialah seorang yang dicalonkan oleh Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan yang tidak menimbulkan sebarang pertikaian. Jadi macam kita buat pelantikan hakim. Saya rasa itu boleh kita *adopt* selalu – kata orang Kelantanlah. *Adopt* selalu.

Tuan Pengerusi: Itu disentuh oleh Dr. Fong.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Sudah. Banyak yang disentuh dan kita dalam *committee* pun bersetuju malam tadi. Dr. Fong bersetuju.

Tuan Pengerusi: Pihak SPR pun bersetuju?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Setuju. Jadi kalau kita masukkan ini. Termasuk juga kewangan itu direct kepala di bawah SPR bukan pecahan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: I think masukkan semua ini belum ada resolusi bagi kita untuk..

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya yakin sebelah sana pun bersetuju.

Tuan Pengerusi: Perubahan struktur, perubahan semua itu tetapi anyway kita bincang dengan Dato' Nazri.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya memang setuju. *Off the record*, bukan *on the record*. Saya menghadapi masalah kerana ini komisen SPR. Kami juga menghadapi masalah di SPRM. Serupa juga. Sana pun suruhanjaya, sini pun suruhanjaya tetapi begitulah dia punya ranking.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Itu pun sudah dibincangkan. Ranking Pengerusi SPR itu setinggi PAT, setinggi IDP – kita sudah sebut malam tadi.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, *I think we do respect*. I think isu ini mungkin kita boleh untuk *final report*. *This is not the immediate* punya concern.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Sure. I agree. We sit down together and we will do this. Memang we want to make it independent. We want to make it fantastic. Sure, no problem.*

Seorang Ahli: Saya tidak sabar.

Tuan Pengerusi: Ya, tidak sabar? *Okay, anyway..*

[Berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Dulu kita sudah semak gaji ini. Bukan senang. Gaji sudah semak bukan lagi dalam ini. Saya masih ingat tiga tahun dahulu bukan? Gaji sudah disemak. *I remember*, ada. Diluluskan di dalam Kabinet. Gaji pengerusi, timbalan pengerusi. So apa yang tertulis di sini sudah *outdated*. Bukankah? Baru? *Latest by..*

[Berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Tidak boleh tutup pintu. Kita sudah umumkan pukul 5.00 ptg. Ada semakan pada waktu itu.

So beginilah. Hari ini bagi bahagian kedua, ulasan-ulasan itu kalau boleh kita siapkan sebelum balik ke Kuala Lumpur. Minta semua khususnya setiausaha dan pegawai-pegawai yang berkaitan. *We have to work hard, what to do. Esok we have the whole day. Monday* saya balik dan *I go straight to Parliament. I hope to see the whole* sudah *complete. I will make the final amendment* sesuai dengan pandangan-pandangan. *Then if we can before midnight and then* esok pagi.. Ucapan pembentangan pun belum lagi. Itu kemudianlah.

[Berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Dakwat kekal. Di bawah dakwat kekal, ada cadangan di situ dan *we have to* pameran apa akta dan peraturan berkaitan. Then keputusan kita dipersetujui.

Kedua, pengundi awal. Pengundi awal oleh tentera, *military and* pekerja. Seperti yang telah dikatakan tadi bahawa yang di sempadan itu masih lagi..

Tuan Loke Siew Fook: Dan juga petugas SPR.

Tuan Pengerusi: *Detention services. Journalist.* Kita sudah bincang.

Tuan Loke Siew Fook: Dia boleh masuk dalam petugas SPR. *I mean* kategori petugas SPR sebab yang bertugas pada hari mengundi.

Maksudnya kategori dia bertugas pada hari mengundi itu macam kalau kata *media practitioners*, dia boleh mintalah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nurses?

Tuan Loke Siew Fook: Kalau dia ada bertugas pada hari itu dia boleh mintalah. So *just the process* kalau kita setuju untuk *include nurses* dan sebagainya, tawaran dan sebagainya, *the process will be the same* macam petugas-petugas sementara SPR.

Tuan Pengerusi: *So we just allow the five categories.*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Ya.

■ 1630

Tuan Pengerusi: *Remember* yang seorang ibu itu, di Parlimen itu dia masuk, dia kata, *"Kamu cakap, tidak buat"...*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *Are we exploring this* kerana ada disebut oleh SPR tentang cadangan untuk *nurses* dan sebagainya. Akan tetapi adakah kita serius untuk

explore sebab benda ini akan jadi lebih besar. Kita mungkin hanya cakap tentang hospital kerajaan tetapi hospital swasta, serta klinik-klinik swasta dan beberapa kilang yang agak *essential*, kalau tidak datang kerja, tutup. Mungkin akan kata semua penting, jadi bagaimana?

Tuan Pengerusi: Cadangan SPR? Kalau tidak *my own view*, pandangan saya setakat ini pekerja untuk pilihan raya itu sahaja, yang berkaitan dengan pilihan raya serta tentera semua ini...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Let me read the* Peraturan sekarang yang kita tengok berkenaan dengan undi pos, dikatakan, orang-orang yang berhak untuk mengundi pos hendaklah seperti berikut; seorang pengundi tidak hadir. Seorang pengundi tidak hadir itu ditakrifkan sebagai tentera laut, udara dan darat dengan isteri atau suami. Kedua adalah perkhidmatan awam di luar negara Persekutuan atau negeri, ataupun badan-badan berkanun isteri dan suami. Ketiga *student full time - husband and wife*. Jadi ketiga-tiga orang ini diiktiraf sebagai pengundi tidak hadir jadi mereka *entitled* untuk pengundi pos.

Kedua, orang yang diakui oleh suruhanjaya. Inilah orang yang pekerja ini kerana menjalankan tugas pada hari mengundi. Okey *that is number two. Number three;* seorang anggota pasukan polis. Lepas itu, (e) anggota suruhanjaya pilihan raya, *people like chairman* atau pun pegawai-pegawai SPR *full time*. Ini berkenaan dengan (f), dia kata seorang anggota, mana-mana kategori orang yang ditetapkan sebagai pengundi pos oleh Suruhanjaya Pilihan Raya masa ke semasa melalui pemberitahu warta... [Disampuk]

Okey, *let me explain*. Orang yang dimaksudkan di sini ialah isteri polis. Kebanyakannya isteri polis adalah didaftar sebagai pengundi pos di bawah ini. Ini sebab dalam peraturan, dia cerita polis sahaja bukan isteri, tentera dia ada isteri. Jadi isteri polis kalau kita nampak dalam daftar pemilih sebagai pengundi pos, dia termasuk di bawah (f)..., betul ya?... [Disampuk] Tidak tahulah, itu terpulang kepada SPR. SPR penerima. Jadi kita hendak memasukkan dalam kategori yang lain... [Disampuk]

Tuan Pengerusi: Isteri di balai?... Tidak!

Seorang Ahli: Tentera?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tentera automatik. Jadi sekarang ini, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Hulu Selangor...[Disampuk] Apa dia? Media dan nurses kalau begitu...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi, media *the category essentials services* ini yang mana akan memberikan perkhidmatan semasa pilihan raya dijalankan yang mana boleh ditentukan oleh pihak SPR sendiri. Ini mereka-mereka yang akan terlibat dalam proses pilihan raya. Saya nampak memang wartawan-wartawan,

memang setiap kali pilihan raya mereka tidak dapat mengundi kerana mereka menjalankan tanggungjawab mereka.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Boleh atau tidak mereka dimasukkan di bawah ini, orang ini akan mengundi awallah ini?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Mungkin kampung dia di Ipoh tetapi dia bekerja di Kuala Lumpur. Jadi kita beri dia peluang untuk mengundi awal.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Akan tetapi ini bukan *essential services*.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *You have to give them a right to vote, ini essentials.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ini boleh menyebabkan *flood gate*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya takut ini, kita hendak mengurangkan...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *This is the issue that had been raised by a lot of media practitioner. On the day of election, mereka bekerja dan hendak mengundi tetapi tiada peluang untuk mengundi kerana mereka bekerja. Jadi mereka hendak hak untuk mengundi, kenapa kita tidak memberikan mereka peluang sebagai pengundi awal.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya ingat *nurses* lebih banyak lagi daripada kakitangan media ini. *Nurses* banyak duduk di hospital bekerja. Sesetengah daripada mereka tidak boleh keluar langsung sebab jaga pesakit. Ini kita hendak fikir – saya fikir, saya akui...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Yes but nurses is in that particular location, the voting start on 9am to 5pm. They got shift, they can come out and vote. Mereka ada shift bekerja, mereka tidak bekerja daripada 9am to 5pm and they working at that particular area. Maka journalist pula bekerja at that kawasan, dia di assigned di tempat lain. So, kita beri dia mengundi awal. Itu cadangan saya Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: SPR, *how practical is that?*

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Sebenarnya tadi mungkin kita..., bukan undi awal sebenarnya tetapi undi pos.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak, itu belum saya masukkan lagi tadi sebab kita hendak pinda ini. Ini pengundi pos ini kita tidak mahu gunakan lagi pengundi pos dan kita hendak menggunakan istilah lain - pengundi awal. Akan tetapi ini termasuk orang yang di *overseas* itu, undi awal. Adakah mereka undi awal atau mereka itu dikenali sebagai "pengundi pos"?

Tuan Pengerusi: Kategorikan?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau kita hendak asingkan bermakna kita ada dua kategori, satu pengundi pos. Pengundi pos bermakna orang yang duduk bermastautin di luar negara, mereka itu pengundi pos lah. Mereka yang undi awal ini yang duduk di dalam negara seperti polis, Pegawai SPR, itulah orang yang mengundi awal. Mungkin kalau kita masuk Sabah Sarawak, undi awal.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau *overseas* itu termasuk dalam pengundi yang tidak hadir. Istilah dalam SPR adalah "pengundi tidak hadir."

Tuan Pengerusi: Jadi nanti untuk di Sabah dan Sarawak, kita boleh pakai itulah. Dia tidak dapat hadir di Kota Marudu, dia mengundi di *Penang* kerana ada di sana.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi bermakna kalau kita hendak masuk Sabah dan Sarawak umpamanya, dia termasuk di bawah seorang "pengundi tidak hadir" lah, termasuk Sabah dan Sarawak. Itu termasuk undi pos tetapi "pengundi awal" ialah mereka inilah seperti Pegawai SPR, polis, itu mengundi awal.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Cuma dari segi *implementation* nya, *voting on the same days* semua orang ini? Undi awal atau pengundi tidak hadir kah, *we make it voting at the same day, earlier than us* yang normal, dan prosedurnya bukan prosedur undi pos dulu tetapi yang baru kita bincang ini iaitu pengundi biasa, ada *poling agent* cuma mereka awal sahaj...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *One day earlier.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Okey baik.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau dari segi kategori, kalau diperluaskan, bukan sahaja pekerja-pekerja pilihan raya - *one day early Will include military, army*, polis semua kecuali di sempadan itu, kita tidak tahu macam mana kita nak *handle that*. Sekarang kamu mengatakan doktor dan jururawat *and journalist*, begitu?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *But they have to apply....*

Tuan Pengerusi: *Yes, of course. At least we named the categories*, jadi dia perlu *apply and the cadangan* yang diberi *that* mereka boleh mengundi satu hari awal. *The question is, if we are journalist in Kuala Lumpur, you* berdaftar di Pulau Pinang, jadi bagaimana prosedurnya itu? Dia mahu mengundi di mana mereka perlu pulang di Pulau Pinang untuk mengundi?.... Jadi *they have to apply of course* sebagai "pengundi awal", *is that it?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang Berhormat satu lagi perkara yang harus kita fikir ialah permohonan untuk menjadi pengundi awal atau pengundi pos. Polis ini dia, *application* mereka hanya kepada polis sahaja, dia tidak pada SPR. Permohonan daripada polis - umpama kita ada satu bandar, dia mesti ada IPD dia, negeri punya polis.

Jadi permohonan oleh anggota polis ini untuk menjadi pengundi pos bukan pada SPR, mereka mohon kepada IPD, betul atau tidak?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Kalau boleh saya terangkan. Sekarang ini kita ada pengundi pos. Polis layak untuk mengundi pos untuk masa ini. Sekarang kita adakan pengundi pos itu maknanya yang menggunakan borang dua dan sebagainya, tetapi di bawah kategori ini, polis tidak perlu memohon dan tentera juga tidak perlu memohon termasuk *spouses* yang memilih itu mereka tidak perlu memohon...

Tuan Pengerusi: Automatik...

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Ya, apabila mereka dikategorikan sebagai "pengundi tidak hadir" tadi, bermakna dia layak mengundi cara pos.

Jadi berkenaan "pengundi awal" sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita *just* hendak *confined* kepada tentera dan polis yang pada hari mengundi, mereka itu ada dalam kem. Ini undi awal. Undi awal ini bermakna kita laksanakan seperti mana biasa dikendalikan oleh Pegawai SPR. Sebagaimana Yang Berhormat Dato' Seri tadi sebutkan, maknanya kalau *super essential services* termasuk doktor, *nurses and so on*, sekarang ini mereka perlu pulang ke tempat masing-masing untuk mengundi.

Kalau itu diperluaskan di bawah 13(f) tadi, maknanya kita *extend instead* daripada isteri JPA dibenarkan sekarang ini jadi pengundi pos, bermakna dimasukkan kategori lain seperti wartawan, doktor dan sebagainya. So dengan ini mereka kena memohon *because* ini dimasukkan bi bawah orang-orang yang layak mengundi secara pos makna mereka kena memohon. Permohonan itu perlu dibuat kepada pegawai pengurus lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak apa, yang saya maksudkan ini adalah mengikut buku panduan daripada SPR. Saya baca dan dia mengatakan bahawa permohonan daripada anggota polis, dia dibuat kepada IPD, dan permohonan daripada angkatan tentera, dia dibuat kepada Kementerian Pertahanan. Permohonan daripada warganegara di luar dia buat permohonan melalui kedutaan. Itu betul lah kan kalau begitu?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Pendaftaran ya Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pendaftaran untuk memohon. Jadi kita hendak buat bahawa semua permohonan dibuat kepada SPR... [*Disampuk*] Tidak ada. Dia buat permohonan dulu kepada dan selepas itu dia daftar lah.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Mendaftar dan kemukakan permohonan kepada SPR ya.

Tuan Loke Siew Fook: Satu soalan SPR, adakah tentera dan polis wajib untuk jadi pengundi pos sekarang ini, adakah di wajib, *compulsory* atau tidak?

Tuan Pengerusi: Wajib apa?

Tuan Loke Siew Fook: Polis dan tentera wajib jadi pengundi pos?

Tuan Pengerusi: Automatik dia kata.

Tuan Loke Siew Fook: Tadi dia kata Yang Berhormat Kangar cakap, perlu memohon kepada tentera atau kepada polis. Satu soalan, kalau saya polis. Saya tidak mahu mengundi pos dan saya mahu mengundi di luar, boleh atau tidak?

Lt. Kol. Hamdan bin Yaccob [Pengurus ICT, Kementerian Pertahanan]: Apa yang kita lihat sebagaimana yang ada sekarang, memang kami dengan sendirinya ditakrif sebagai “pengundi tidak hadir” dan dengan sendirinya kita melaksanakan secara undi pos. Apabila perubahan berlaku dari segi pengundi awal, *as long* dia punya *define* sebagai *scope* pengundi pos, *even though we relabel* sebagai “pengundi awal”, dari segi praktiknya apa yang saya lihat walaupun perkara kita belum perincikan dalam SPR, kalau anggota ATM perlu memohon, kami melihat dari segi pelaksanaannya sebagai contoh mereka yang ada *mission* di luar negara. So itu akan memakan masa serta perkara-perkara lain yang berkaitan. So, dari segi ini saya berpandangan kurang efektif kalau kita kata anggota ATM perlu memohon sebagai pengundi pos. Ini sebab kalau kita *fall back* kepada akta yang memperuntukkan kami wujud sebagai “pengundi tidak hadir”, sudah memadai.

Tuan Loke Siew Fook: Okey, untuk *follow-up question* untuk ATM ya. Pastinya Kementerian Pertahanan ada data-data, tahu siapa yang bertugas di sempadan serta di luar negara dan sebagainya bukan? Sebab itu prinsipnya ialah, kita kekalkan hak mereka untuk jadi pengundi pos melalui sampul surat. Hanya mereka yang berada di kem, yang kita hendak membawa menjadi pengundi awal. Itu tidak ada masalah dari segi *coordination* dengan SPR bukan?

Dato’ Haji Noordin Che Ngah: Ya Yang Berhormat, tidak ada.

Tuan Loke Siew Fook: Agak-agak berapa ramai atau angka mereka yang berada di sempadan atau di luar negara?

Lt. Kol. Omar bin Daud: *I can say that less than 30% .*

Tuan Loke Siew Fook: *Less than 30%.*

Lt. Kol. Omar bin Daud: Yang Berhormat, masalah tentera, kami ini, *roughly* saya boleh beritahu, kita batalion yang menjaga di sempadan Sabah dan Sarawak *roughly* lima batalion dan tidak termasuk di bawah PBB...

Tuan Pengerusi: Kalau jumlah?

Lt. Kol. Omar bin Daud: Jumlah, kalau lima batalion. *Let say* satu batalion ada 600 orang. Itu menjaga sempadan sepenuh masa. Kemudian kita tidak tahu pilihan raya bila, pertukaran itu di setiap dua bulan. Jadi sekiranya – kita tidak boleh hendak tetapkan bahawa batalion ini atau anggota ini mengundi biasa atau mengundi awal satu hari *because* pertukaran pasukan setiap dua bulan kami tidak tahu. Memang ia ada rancangan itu dalam

satu tahun itu tetapi..., melainkan anggota-anggota yang membuat kerja staf di kementerian itu boleh di *consider*.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Akan tetapi *effectively* tetap tiga ribu... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Lt. Kol. Omar bin Daud: Yes, jumlah betul tetapi pertukaran orang kita susah. Lebih baik kita katakan tadi, hendak tukar apa nama pun, bagi saya tentera ini *remain* sebagai "pengundi pos".

■ 1645

Walaupun hendak ditukar mengundi awal ataupun sebagainya, okey... [*Disampuk*] Jadi untuk pasukan-pasukan yang tidak pergi operasi, memang kita telah benarkan untuk wakil-wakil parti memasuki kem. Jadi itu pandangan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Batalion dia, dia undi pos, dia beroperasi di sebelah sempadan Grik semualah, lebih kurang begitulah. Akan tetapi batalion, dia di mana yang terdekat di situ umpamanya. Katalah sebagai contoh di Ipoh umpamanya. Jadi bermakna dia mendaftar mengundi di kawasan itulah, tetapi dia beroperasi di Grik sana, tetapi *next six months* dia bertukar operasi ke *southern* pergi ke sebelah selatan kah, begitu lebih kurang, tetapi dia masih menggunakan alamat di kem Ipoh untuk membuang undi. Apabila dia membuang undi, undi pos dia akan kembali kepada kem Ipoh. Betulkan itu macam? *So they cannot change*. Kalau dia bertukar hendak suruh dia mengundi sebagai undi biasa, tidak boleh, *impossible*. Dari segi logistiknya itu...

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, kita tidak bercakap bahawa pengundi itu bertukar kem. Okey, apabila pembubaran Parlimen, SPR telah menentukan bila hendak mengeluarkan undi pos itu. So pada masa itu, kita tahu pada ketika itu siapa yang berada di sempadan-sempadan itu. So, kita hantar poslah. Kita kekalkan. Kita hantar pos kepada mereka ini. Akan tetapi yang ada dalam kem, sepatutnya tidak lagi dibekalkan sampul surat, dia terus bagi undi-undi itu undi biasa dan buang dalam kem. Itu yang kita minta. Memang yang dekat luar itu kita hantar lagi kepada undi pos mereka, yang hanya dalam kem.

Lt. Kol. Omar Daud: Jelas, jelas. Ini kerana yang dalam kem, yang boleh hadir *in person*, kami tidak melihat ada beberapa masalah dari segi pelaksanaan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *There is no problem*. Hanya macam polis, tiap-tiap bandar besar ada polis. Itu pun pengundi-pengundi poslah itu. Jadi depa sekarang ini undi satu hari atau dua hari sebelum pilihan raya masuk di dalam dewan mengundi. Jadi kita sekarang hendak membuat polis-polis itu satu hari kah atau mengundi awal. Askar-askar ini kita biarkan mereka mengundi pos, *no problem*.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Dekat luarlah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, dekat luar. Dia *operational*, dia mengundi pos, *no problem*.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *No, no*, ini yang kita minta ini. Yang kita minta ini kita buat di luar.

Seorang Ahli: Bukan di dalam kem?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Bukan di dalam kem. Di dalam kem mana ada risiko pula nanti.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Mood*.

Tuan Pengerusi: So, saya rasa apa ketetapan persetujuan tadi? Bagi kategori-kategori yang lain ini, kita masukkan sahaja. *Essential services, medical, nurses, media? Which means* dari segi realitinya dia perlu balik ke tempat dia yang berdaftar untuk mengundi dan disediakan di sana peluang untuk mengundi awal, bukannya? Begitulah tatacara kecuali pasang satu *vote* di Kuala Lumpur di SPR, susah lagi. Bagus suruh dia pulang tetapi tempat yang ditetapkan dia boleh mengundi satu hari lebih awal atau dua hari lebih awal. Mahu sediakan lagi pemerhati, *polling agents*, itu terpulang dengan SPR lah, tetapi mereka perlu memohon, maka kita perlu tahu berapa banyak mereka dan di mana. Begitu, bukan? *Just to release that* . So, masukkan *doctors, nurses* dahulu dan media dan perlu memohon dan dia balik ke tempat dia mengundi di mana dia berdaftar. Apabila dia mendaftar, kita boleh tahu sudah siapa-siapa yang mengundi awal *we know how many* dan SPR akan menyediakan di pejabat daerah kah ataupun di balai polis kah bagi dia... [Disampuk] OKU, *I think on the same day* lah. Apa yang OKU yang kita hendak masukkan itu? Wakil?

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Warganegara, *over 21*, bukan? Itu di bawah proses pengundian. Okey tuan-tuan dan puan-puan Ahli Yang Berhormat, kalau saya merumuskan sekali lagi, enam itu dakwat okey? So, siapa yang sentuh ini ramai - pihak SPR sendiri pun, Ambiga pun, berbagai-bagai parti. So, *if you cannot trace who there are, these are the group*. Pengundi awal ini memang SPR pun ada...

Tuan Loke Siew Fook: Saya ada satu soalan ya. *I just cross my mind*. Pengundi pos macam mana buat dakwat kekal untuk pengundi pos?

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Loke Siew Fook: Dikecualikan?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita kena hantar dakwat kekal dengan poslah begitu. Tidak boleh, *impossible*.

Tuan Pengerusi: Ya, hanya pengundi awal di mana *full pulling vote* itu...

Tuan Loke Siew Fook: Pengundi awal termasuk, bukan?

Seorang Ahli: Ya, ya, termasuk.

Tuan Loke Siew Fook: Yang dakwat kekal.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam undi biasa.

Tuan Pengerusi: Ya, sedap di situ.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pengundi pos ini saya hendak maklumkan, kita pun kena menerima juga bahawa apabila kita hantar *by pos* kepada askar-askar di dalam kem, mereka hantar melalui helikopter, tempat *operational* mereka hantar...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita kena terimalah. *When you* terima balik, *you have to accept* – kalau bukan dia yang mengundi, kawan dia yang mengundi pun, halanglah, kita tidak tahu. *You cannot have a perfect – anywhere in this world is the same* undi pos. Hantar pos...

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia melalui *operational* dia bawa helikopter masuk pergi – *all operational that...*

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ... “*Aku hendak mengundi ke tidak, engkau pangkah sahajalah*” *That sort of things may happen or may not happen whatever it is.* Akan tetapi kesudahannya kita menerima kertas itu tidak banyak.

Tuan Pengerusi: Okey, so pengundi awal...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Thats mean we have to accept* lah.

Tuan Pengerusi: Saya rasa *it is small portion* dalam 2,500 begitu. *We just have to do the best that we can* lah dari segi peraturan-peraturan yang sedia ada. Okey, itu untuk simpanan.

So dakwat kekal, pengundi awal iaitu petugas-petugas pilihan raya termasuk polis dan tentera, *now we adding essential services might need to be provided.* Pengundi luar negeri, kita buka itu *tape* okey. Ini dicadangkan oleh banyak pihak dan tengah hari ini pun di sini banyak. *And then* soal pinda alamat dengan JPN, penggunaan SD untuk tujuan tersebut dan satu bil lain untuk menentukan alamat mereka, okey *wording* nanti perlu... *Then* di peringkat *polling centers* itu kita telah bincangkan *sitting arrangement* di situ, *serial number* tidak perlu pengedarannya, tidak ada lagi siri nombor, di mana di kira undi di bawah 4% itu kalau keseluruhan dibenarkan... [Disampuk] Dua peratus.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okey, itu di bawah di situ. *Then*, ini pembersihan daftar pemilih, ada tiga kategori. Satu, *continuing* ini pameran awam di mana mereka ini yang sedang dibuat misalnya 42, *we have the terminology* nanti. *They have to prove that they are still valid. Otherwise, they will be deleted.* Pengundi mati ini kita telah berbincang semalam dengan peranan MIMOS bagaimana, dan sebahagian yang disentuh oleh *Mr. Wong* tadi pun proses itu pun cukup bagus. *Make it simplified how to delete names that are been death for many-many years* dan keluarganya tidak datang untuk melaporkan. *There has to be a mechanism on this* lah. Kalau tidak, timbul ini mati tetapi dapat mengundi dan *this kind of perception* lah. Ini pengundi 100 tahun kami bincang semalam ini, *how to deal* untuk pembersihan semua ini dan *I think JPN* semalam ada sentuh yang *merging of data* dengan SPR tetapi terminologi ini perlu ada. Ya SPR, ada komen?

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Tuan Pengerusi, kalau kita mendengar taklimat daripada JPN hari itu yang menyebutkan 1 Disember, di mana 1 Disember ia akan dihubungkan terus dari polis ke JPN ke SPR. Jadi automatik kita akan dapat tahu...

Tuan Pengerusi: Boleh tahu semua...

Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim: Dapat tahu semua.

Tuan Pengerusi: Okey. So ini di dalam ulasan sahaja dan kita perakui sahaja.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi semalam kita difahamkan bahawa ia bukan *online* lagi.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Loke Siew Fook: JPN kata belum *online* lagi. Dia boleh pergi ke balai polis membuat pendaftaran tetapi perlu dihantar kepada pihak pendaftaran. Betul kah?

Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]: Okey, apa yang dijanjikan pada 1 Disember kita akan mula menggunakan *combine* daripada balai polis, permit kubur dan daftar mati terus hantar kepada JPN dan kita akan *supply* maklumat itu ke SPR.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, tetapi maksud saya ialah, kita difahamkan ialah kita seolah-olah ingat gambaran itu ialah *online*. Dia boleh terus buat dekat balai polis, selepas itu *online* kepada JPN, tetapi saya difahamkan semalam belum lagi. Belum *online* lagi, bukan?

Puan Laila binti Majid: Untuk 1 Disember ini belum *online* lagi tetapi kita ke arah itu. Jadi untuk langkah segera untuk *update* maklumat kematian, memang kita boleh *daily update* ke SPR.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Okey pihak JPN, masukkan ini nanti. Satu, mati dan kedua, 100 tahun ataupun 90 tahun kah lebih, *double entry*, apakah tindakan-tindakan sebab ini masih

berterusan, masih ada di kawasan dua *entry* ini hanya kami yang menggunakan komputer sistem *to trap them then we can* – Kota Marudu I think, have 100 lebih yang *double*, you see.

Tuan Loke Siew Fook: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Dua nama. Dua kali ke...

Tuan Loke Siew Fook: Satu nama dua kali?

Tuan Pengerusi: Ya, di dua tempat. Satu kampung lain, kampung lain lagi dia pergi.

Tuan Loke Siew Fook: Boleh tidak kita membuat usul dan di dalam usul itu – sebab MIMOS kata boleh membantu di dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: Kita boleh *trace out* tidak? Kalau SPR boleh beri keseluruhan *database* itu ke semua 222 Parlimen itu, minta MIMOS bantu untuk *trace* yang *double*, satu nama ada di dua tempat.

Tuan Pengerusi: SPR pun ada sistem juga ini tetapi barangkali tidak sempat buat, bukan? Tidak apa tetapi itulah kami *hope in* MIMOS untuk – kerana dia ada enjin yang kuat dan besar untuk cuba membantu, you see. So *how to do it*, kamu perlu *define* lah

Seorang Ahli: *We will work with JPN.*

Tuan Pengerusi: Ya, bersama dengan SPR lah, mengenai perkara ini. So itu di bawah daftar pemilih, pembersihan. *And then* SPR itu, di bawah institusi itu, kita cuba masukkan mana yang boleh tetapi *alternative system* itu, difahamkan ada dua termasuk isu 34% dan seterusnya, kami hendak bincang dahulu nantilah.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: RCI?

Tuan Loke Siew Fook: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Roosme binti Hamzah: RCI.

Tuan Loke Siew Fook: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Oh ya kan. *Now* apa macam? Kosong di sana...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: RCI? *No, no*, itu termasuk di dalam pembersihan daftar pemilih okey? Akan tetapi kami belum memutuskan diperakui setuju atau ...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *Royal commission.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: *Royal commission. So nanti mahu test the voters first* lah. Akan tetapi di sini rata-rata semua yang hadir mahu itu. *So we can say in the Sabah part we have to look at implication I think, tetapi I am prepare to say* dalam proses pertimbangan di sini. *Then SPR* sedikit di mana yang boleh masuk kalau yang ada yang dapat diperakui. Kita ada 24 jam fikirilah. Kalau betul *SPR feel* ada satu yang *you want* dimasukkan, institusi. Akan tetapi sekarang ini apa yang dicadangkan....

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini Yang Berhormat yang saya baca tadi, saya terjumpa buku ini. Saya hendakkan benda ini diperjelaskan. Disebutkan di sini urusan pendaftaran seorang anggota ATM dan pasangannya sama ada isteri dan suami untuk menjadi pengundi pos dibuat oleh Jabatan Rekod dan Pencen Kementerian Pertahanan. Jadi ini urusan pendaftaran ini. Urusan pendaftaran setiap anggota polis dan pasangannya dibuat oleh IPD. Jadi permohonannya...

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Bukankah urusan pilihan raya ini SPR semuanya?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Itulah kita hendakkan benda ini terus kepada SPR.

Lt. Kol. Hamdan bin Yaacob [Pengurus ICT]: Mereka yang merupakan penolong pendaftar yang dilantik oleh SPR.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ha, itulah, itulah.

Lt. Kol. Hamdan bin Yaacob: Penolong pendaftar polis, penolong pendaftar tentera di kategori itu, tetapi ia akan balik kepada SPR. Kelulusannya di tangan SPR.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dapat seringgit satu tahu, kalau *you* daftarkan. Tanya SPR.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi oleh sebab...

Seorang Ahli: *You* punya wakil parti pun tuntutan juga.

Tuan Pengerusi: *Okay, so it is synchronizes.* Untuk ini Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan dan puan-puan, bagi setiap kepala jawatankuasa yang dilantik setiausaha, perlu bertemu dengan Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme binti Hamzah jam 8 malam ini dan khususnya bagi kawasan kami punya yang masih kosong di sini, kebanyakannya SPR dan JPN, tetapi kita bincang semalam, tidak perlu sahaja perkara dibangkitkan, siapa yang membangkitkan itu, apa ulasan kementerian, tidak apa pun *fully*, terlampau *quote* daripada akta pun kalau mahu perlu masa pun okey dan baru itu cadangan dan ketetapan.

■ 1700

So, bagi kami *more less* ada di situlah. So dengan itu ada satu orang lagi ingin hadir sebelum tutup. So, jemput dialah. So, *harap by tonight* siap semua yang bahagian kedua,

dan *table-tablenya* dan rumusan. Nanti saya datang Parlimen hari Isnin malam, *go through and should be ready* untuk...

Datuk Roosme binti Hamzah: Kementerian pun datang Parlimen.

Tuan Pengerusi: Kurang-kurang setiausaha semua hendaklah di situ.

Datuk Roosme binti Hamzah: Pukul berapa hari Isnin? Sembilan? Di tingkat 4, Parlimen.

Tuan Pengerusi: *I think* 9 lah, ini pun harus kita bersyukur sudah dalam tempoh enam bulan kita balik *at least* ada lima enam pun yang lain itu bilang dalam pertimbangan.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Cuti Isnin diganti nantilah [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat. Di sini pun ada Gunsalam ini. Yakin, Kundasang, Gunsalam lagi di Kota Marudu. Ini satu lagi cikgu ini. Dia kata dia seorang cikgu daripada Kota Belud. Ini memang Dusun punya. Kadazandusun punya. Gunsalam. Okey, saudara, cikgu ya. Cikgu Gunik Gunsalam. Sebenarnya memang kita memohon maaf kerana kena tunggu tadi. Kita dalam mesyuarat untuk menganalisa semua yang hadir pagi tadi dan kelmarin. Banyak yang hadir. Ini terakhir jam lima ini mahu tutup, akan tetapi kita sedia juga mendengar pandangan saudara Gunik Gunsalam.

Ini adalah persidangan pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Penambahbaikan Sistem Pilihan Raya dan boleh menyentuh apa-apa sahaja yang berkaitan dengan dan cadangan untuk menambah baiklah sistem mahupun perundangankah, proses pilihan raya, daftar pemilihkah, SPR punya sebagai institusikah ataupun sistem alternatif, sistem demokrasi kita. So, saya beri lima minit, tujuh minit. Kalau ada memorandum, ada sediakan memorandum ataupun tulisan. Tiada? Cakap sahaja. Okeylah, saya beri saudara, dari Kota Beludkah?

Gunik Gunsalam: Ya.

Tuan Pengerusi: Sila, mula dengan lima minit, itu kalau lebih panjang diperlukan nanti saya akan tambah.

Gunik Gunsalam: Pendek sahaja.

5.03 ptg.

Gunik Gunsalam: Salam sejahtera, selamat petang kepada Yang Berhormat, Datuk-datuk semua. Saya terus pada – ini pandangan saya sahaja ya habis berdasarkan pada pilihan raya-pilihan raya yang lepas. Yang terbaru, keputusan Parlimen Kota Belud antara yang paling lewat dikeluarkan keputusannya, jadi diri saya sendiri tertanya-tanya kenapa begitu lambat keputusan diterima. Jadi tanyalah dari kawan-kawan semua, jadi ini disebabkan dia bilang daripada undi pos ada yang belum sampai undi pos yang melambatkannya.

Jadi setahu saya di Kota Belud ini kalau ikut perhubungan, kampung saya yang paling jauh di sempadan daerah Ranau. Jadi kalau ikut kira pengumpulan-pengumpulan dia di Kota Belud bererti dari kampung saya yang paling lambat sampai. Takkan undi pos. Jadi ini cadangan sayalah. Undi pos ini sepatutnya dia tiba awal dulu sebelum semua yang dari stesen-stesen pusat pengundian itu sampai.

Jadi bila semua yang undi pos itu sampai cadangan saya supaya yang pegawai pengurus pilihan raya kawasan itu pastikan bahawa undi pos itu sampai dahulu. Itu cadangan saya. Ini supaya dia tidak akan melambatkan pengurusan pengiraan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Kena kira awal ataupun sampai awal.

Gunik Gunsalam: Sampai awal.

Tuan Pengerusi: Okey.

Gunik Gunsalam: Saya tidak tahulah di mana dia tempat pengiraan akan tetapi kalau saya, kalau cadangan saya yang undi pos itu sepatutnya sudah ada di situ.

Tuan Pengerusi: Jadi kenapa tidak kira awalkan?

Gunik Gunsalam: Ya. Kenapa tidak kira awal. Kenapa dia – saya tidak tahulah. Itu yang melambatkan keputusan. Keputusan lambatkah tidak. Habis itu saya sahaja dengar daripada kawan-kawankah.

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa itu cadangannya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Ada lagi?

Tuan Pengerusi: *[Bercakap dialek Kadazan - Dusun]*

Gunik Gunsalam: *[Bercakap dialek Kadazan - Dusun]*

Tuan Pengerusi: Saya cakap dalam bahasa Kadazan – Dusun. Ada lagi? Dia bilang tiada.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Oh. Ini Dato' Abd. Rahman Dahlan punya orang ini.

Tuan Pengerusi: Dengan izin, dengan izin.

Gunik Gunsalam: Yang Berhormat cakap, saya pun cakaplah *[Ketawa]*. Jadi itu minta izin.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih *[Bercakap dialek Kadazan – Dusun]*

Gunik Gunsalam: Okey.

Tuan Pengerusi: Okey, *[Bercakap dialek Kadazan –Dusun] means uncle [Ketawa]* untuk dengan izin. Jaman, J.A.M.A.N. Okey, terima kasih.

Gunik Gunsalam: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Terima kasihlah.

Tuan Pengerusi: Terima kasihlah sebab akan dicatitkan sebagai input dan pandangan, ya individu. Kebetulan *I thing this is are one we have* masukkan maka macam kita setuju undi pos, undi awal kira dahulu. Akan tetapi pandangan saya tadi, pandangan sinilah. Kalau kasi umum dahulu *I thing* itu kita belum lagi ada resolusi. Akan tetapi kira awal dan papan di dalam pusat pengiraan saya rasa tidak ada halangan, yang undi awal dulu kasi duluan.

Yang daripada tentera kalau ada tentera, yang undi pos kod dan kodlah. Hari ini kebanyakan semua kira awal. Kira kasi duluan dahulu. Dia macam ini dia kata melambatkan. Ada halangankah sebelah kita. Sebelah itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Ada di balai-balai polis, ini saya minta supaya SPR membantu sayalah. Daripada segi pengalaman sayalah saya tahu ada balai-balai polis dia undi dua hari, bukan undi sehari. Dia mengundi dua hari oleh kerana logistik, dari segi logistik. Adakah itu Okey, betul bukan di balai polis dia mengundi dua hari. Dia ambil masa sebab kakitangan dia pun bertugas, so dia hendakkan dua hari itu supaya datang hari ini.

Akan tetapi tiap-tiap kali – dua hari juga. Akan tetapi tiap-tiap kali dia mengundi, dia ada *poling agent* di situ.

Hamdan: Betul, betul Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: *Poling agent* di situ. Jadi kalau undi awal dia mungkin memerlukan dua harilah juga. Akan tetapi undi awal.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa kita boleh bincang balik. Akan tetapi saya rasa mengundi ini kalau satu kelompok itu hari itu sahaja. Itu sehari.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Ini saya cerita dari segi *practicality* lah

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya lah dari segi praktikal, sebab itu kerana dilonggarkan. Bolehlah tiga hari pun tidak apa. Kalau kita hendakkan satu hari ia akan jadi satu harilah. Mungkin pagi petang sampai *period* itu, *shift* itu boleh berubah.

Tuan Pengerusi: Yang petinya angkat terus ke PPU yang berdekatanlah.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kira “...” di situ.

Tuan Pengerusi: Kira di situ.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kalau tanya sayalah. Cuma ini kita pun belum bincang ya. Walau keputusan sudah tahu, tidak apa. Kadang-kadang bagus juga untuk mana-mana parti kalau kurang kerja kuat lagi dua hari. Kalau sudah ini boleh relaks dua hari. Akan tetapi tidak banyak.

Tuan Pengerusi: Untuk masih dalam pertimbangan Jawatankuasa kerana masih banyak perundingan lagi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Kita mintakan SPR bagi makluman kepada kita semua ini , Jawatankuasa, seluruh negara 222 Parlimen. Tiap-tiap satu Parlimen itu berapa undi pos. Supaya kita tahu. *At least* kita *the some figure in our head*. Okey, satu Parlimen ini ada ratuskah, itu jadi kita boleh buat keputusan.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya rasa kita sudah masuk dalam enam perkara ini tadi, kita bersetuju yang undi awal ini...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Oh, ya, ya.

Tuan Pengerusi: Yang *details* itu, beberapa harikah begitu semua. Kira di mana dan begitu semua.

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Begitu juga dakwat tadi pun, jari mana diambil sebelum ambil kertaskah, selepas mengundikah. Itu pun mesti diperincikan.

Tuan Pengerusi: Okey, nanti *the details we work out*. Akan tetapi saya difahamkan pihak SPR sudah mulai fikir semua inikan. Undi awal, berapa hari awal, misalnya. Kira di mana dan ada sudahkah dengan pandangan. Akan tetapi ini kami terus perakui ini. Undi biasa pada hari itu kan?

Encik Harun Che Su: Sememangnya kita SPR memang merangka semua itu Tuan Pengerusi bagaimanakah mekanisme yang akan berlaku melalui pengundian awal. Itu kita akan kalau ada masa kita dapat berjumpa balik dengan NACC dan akan dimaklumkan oleh Pengerusi ataupun Timbalan Pengerusi sendirilah mekanisme yang telah kita atur untuk pengundian awal.

Tuan Pengerusi: Sini kita mahu perakui untuk dilaksanakan serta merta dalam pilihan raya akan datang.

Encik Harun Che Su: Satu lagi Tuan Pengerusi, ada lagi permintaan. *Sorry* Tuan Pengerusi, sekali lagilah kita merayulah kalau boleh dimasukkan juga aspek pengukuhan SPR satu daripada elemen. Pengukuhan SPR kepada pihak urus setia dahulu, bukan kepada peringkat *chairman* ataupun panel itu. Peringkat urus setia. Sebab apa keadaan sekarang itu.

Tuan Pengerusi: Pengukuhan SPR *list* satu sampai enam, barangkali ada dua yang kita boleh katakan diperakui untuk dipersetujui. Jadi ada yang lain itu kemudian macam *should be in Parliament or what*, proses bagaimana pelantikan kita bilang gunakan sistem *High Court* punya dan *restructuring* di SPR pemupukan keperluan-keperluan. Barangkali kalau itu kita boleh setuju bahawa diperakui sesuai dengan kertas kerja barangkali. Okey.

Encik Harun Che Su: Betul Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi mahu kerja keras ini dua harilah.

Encik Harun Che Su: Mungkin banyak sebab pengundian awal melibatkan staf, bagi *staffing* mungkin banyak aspek yang melibatkan tambahan.

Tuan Pengerusi: Penggunaan dakwat begitu semua. Okeylah. Okey, so tujuh, tujuh kepala. Memperkukuhkan institusi SPR...

Datuk Roosme binti Hamzah: Pukul lapan kita muktamadkan [*Ketawa*].

Tuan Pengerusi: Barangkali di sana ada sepuluh, ada dua tiga yang kita boleh perakui. Okey bisa? So, ini malam dua hari mahu kerja keraslah ulasan semua ini.

Datuk Roosme binti Hamzah: Datuk Max, Datuk Max hendak jumpa Jawatankuasa bawah Datuk Max.

Tuan Pengerusi: Ya, *just my* jawatankuasa daftar pemilih, dan minta tidak lama, *just 20* minit. *Just to go to the list again*.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ada tidak Laila Majid, MIMOS, Datin Kolonel...

Tuan Pengerusi: Dengan itu saya tangguhkan dan masing-masing Yang Berhormat meneliti mereka punya *recording*.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *Tuesday* ialah pukul 8.30 pagi ya.

Tuan Pengerusi: *Yes. Tuesday*, 8.30 pagi Parlimen.

Datuk Roosme binti Hamzah: 8.30 pagi di tingkat 4.

Mesyuarat ditamatkan pada pukul 5.13 petang.